

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (MELAKA)

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

MOHD RASDI BIN ZAINI

KETUA UNIT KUALITI :

NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK

PENYELARAS :

SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN

PENULIS :

1. SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN
2. NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK
3. HAJAR IZZATI BINTI MOHD GHAZALLI
4. NUR MELISSA BINTI MOHAMMAD FAISAL WEE
5. AIDA NUR BINTI MOHD KODRI
6. AKMAL BIN ADANAN
7. SITI NURSHAHIDAH BINTI SAH ALLAM

8. SITI NUR IZYANDIYANA BINTI AB HADI
9. ZULIANI BINTI MOHD AZNI
10. MOHD SUFIEAN BIN HASSAN
11. FATIMAH YAZMIN BINTI HAJI YAHAYA
12. MUHAMMAD FAIRUZ BIN JAMIL
13. NURUL AZLINDA BINTI CHEK TALIB
14. WAN HASMAT BINTI WAN HASAN
15. MASTURA BINTI RONI
16. HAMIDAH BINTI MUHD IRPAN
17. SITI NORMAH BINTI AWANG TUAH
18. NOORAZILAH BINTI IBRAHIM
19. MOHD ZAKI BIN SADIK
20. SITI FAIRUS BINTI FUZI
21. BUSHRA BINTI ABDUL HALIM
22. NURUL EMYZA BINTI ZAHIDI
23. NOR'ASYIQIN BINTI ABU
24. NUR HIDAYATULSHIMA BINTI OMAR
25. WAN EFFA BINTI JAAPAR
26. SITI RAMIZAH BINTI JAMA
27. FATIMAH BINTI HASHIM
28. AINON SYAZANA BINTI AB HAMID
29. IZNI SYAMSINA BINTI SAARI
30. SHAHITUL BADARIAH BTE SULAIMAN
31. SITI NURUL AKMA BINTI AHMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Kepimpinan UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) memacu agenda Pengurusan & Pembangunan Pelajar (Pd2P) berteraskan aspirasi nasional dan universiti, khususnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT), Pelan Strategik UiTM 2025 serta PTS UiTMCM. Perancangan dipandu nilai ESi-iDART dan dimantapkan melalui **Model Adiwangsa** yang memayungi tiga program teras—**HEP Care & Future, HEP LeadPreneur, HEP Xpression**—dengan objektif strategik yang jelas (peningkatan perkhidmatan HEP, Go-Global dan kepimpinan pelajar berkompetensi global). Penetapan dan penurunan PI dilaksanakan kepada fakulti/bahagian/unit untuk memastikan keterlibatan menyeluruh warga kampus.

Pelaksanaan

Pelaksanaan ditunjangi komunikasi strategik top-down & bottom-up (Amanat Rektor, town hall, perhimpunan rasmi) dan pemerksaan peranan pelaksana BHEP di bawah tiga program teras. Kepimpinan menggerakkan budaya ADAB UiTMCM 2024 serta memperluas jaringan melalui kerjasama kerajaan negeri/agensi, industri dan antarabangsa (contoh: geran YTM, MoU/MoA dan mobiliti luar negara). Penyertaan pelajar diperkukuh melalui MPP, JPK/JPRN dan platform program mega yang menyokong keberhasilan PI secara berimpak dan berdaya saing.

Pemantauan

Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui mesyuarat pengurusan, semakan pelaksanaan PI dan lawatan kerja/pemeriksaan berkala yang memfokuskan kebajikan serta keselamatan pelajar. Keberkesanan diukur secara evidence-based menerusi pelaporan data: Kajian Kepuasan Pelanggan, UiTM Happiness Index, Laporan Pencapaian Objektif Kualiti, serta dokumen Pengurusan Risiko. Mekanisme ini membolehkan pengesanan jurang, pengenalpastian risiko dan pelarasan strategi secara tepat waktu.

Tindakan Penambahbaikan

Penambahbaikan digerakkan melalui pengukuhan kompetensi (contoh: Bengkel Pemantapan Strategik, TOT Fasilitator, Kursus Pengukuhan Staf), penyeragaman arahan/pematuhan melalui pekeliling, memo dan emel rasmi, serta pelaksanaan tindakan mitigasi berasaskan daftar/pelaporan risiko. Kepimpinan memanfaatkan jaringan alumni, komuniti dan rakan industri untuk menjana sinergi program (UniFest, GegauFest, inisiatif sinergi perkhidmatan) di samping memperkukuh pencapaian antarabangsa dan penjajaran kepada SDG. Keseluruhannya, pendekatan Plan-Do-Check-Act yang diterajui pengurusan kanan membuktikan kepimpinan UiTMCM berupaya merancang, melaksana, memantau dan menambah baik Pd2P secara menyeluruh—sekali gus mengangkat reputasi kampus, memperkukuh kepercayaan pihak berkepentingan dan melahirkan Mahasiswa Adiwangsa yang holistik serta berdaya saing global.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCM menetapkan pendekatan inklusif dalam perangka inisiatif BT Pd2P dalam membuktikan keselarasan strategi selari dengan dasar nasional, universiti dan negeri, seterusnya memperkukuh ekosistem pembangunan pelajar yang holistik.

Pendekatan Aspirasi Nasional

Pendekatan Pengurusan Kanan UiTMCM berlandaskan dokumen dasar utama peringkat nasional, kementerian dan negeri. Antara rujukan utama ialah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 (PPPM-PT), Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 (KPT) dan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035. Dokumen ini menjadi kompas hala tuju UiTMCM dalam memperkasa agenda Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P), selaras dengan 20 landasan hala tuju KPT ke arah melahirkan graduan berpengetahuan, berdaya saing dan berkebolehpasaran. Pendekatan ini turut diterjemahkan melalui program perluasan kerjaya pelajar seperti High Value GIG Digital Freelance, pengiktirafan program Diploma Pengurusan Teknologi Pejabat (BA132) dalam pemerkasaan TVET serta kempen Adab UiTMCM 2024 (**UiTMCM_1.2a**).

Pendekatan PS Universiti

Berteraskan aspirasi UiTM ke arah Global Renowned University, UiTMCM memanfaatkan Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Strategik Bahagian HEP 2020–2025 dan Amanat Rektor UiTMCM 2024 sebagai asas perancangan. Agenda Pd2P dizahirkan melalui pemetaan strategik BHEP dengan sasaran utama pembangunan kepimpinan pelajar serta perkhidmatan dan kemudahan yang kondusif. Teras ini disokong oleh inisiatif kesihatan mental, kepimpinan holistik, pemerkasaan sukarelawan dan penglibatan mahasiswa untuk mahasiswa yang digerakkan melalui Amanat Rektor 2024 (**UiTMCM_1.2b**).

Pendekatan Pelan Tindakan Strategik (PTS) UiTMCM

Di peringkat cawangan, pendekatan dipandu oleh Pelan Tindakan Strategik (PTS) UiTMCM 2024 berdasarkan Model Proses PS UiTMCM. Objektif strategik utama yang digariskan ialah: peningkatan perkhidmatan HEP, pembangunan pelajar melalui platform antarabangsa (Go-Global) serta kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global. Pemetaan objektif disusuli penetapan dan penurunan PI kepada semua pelaksana termasuk fakulti, bahagian dan unit, sekali gus memastikan keterlibatan menyeluruh warga UiTMCM (**UiTMCM_1.2c**).

Pendekatan Tahun ADAB UiTMCM 2024

Kepimpinan turut diperkukuh melalui pengisytiharan 2024 sebagai Tahun ADAB UiTMCM yang berteraskan nilai ESi-iDART. Inisiatif ini menekankan pembinaan sahsiah dan kualiti peribadi mahasiswa melalui kempen ADAB-ERAT, penerbitan Buku Tazkirah Adab dan pelaksanaan Modul Adab Ikhwan di kolej kediaman. Nilai ini diintegrasikan secara menyeluruh dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (**UiTMCM_1.2d**).

Pendekatan Model Adiwangsa UiTMCM 2024

Sebagai penyepadu keseluruhan pendekatan, UiTMCM memperkenalkan Model Adiwangsa yang membawa maksud jati diri unggul, berwibawa dan berkelas dunia. Model ini dibina atas nilai Sinergibersama dan Sinergitrust, serta memayungi tiga program utama Pd2P: HEP Care & Future, HEP LeadPreneur dan HEP Xpression. Kesemuanya disandarkan kepada objektif strategik yang jelas, dengan pelaksanaan berfokus, pemantauan PI sistematik dan pelaporan impak yang telus. Model Adiwangsa menjadi bukti kepimpinan inovatif UiTMCM dalam membina Mahasiswa Adiwangsa (**UiTMCM_1.2e**).

Secara keseluruhannya, pendekatan UiTMCM dalam membangunkan pelajar memperlihatkan kesepaduan antara aspirasi nasional, visi universiti dan keperluan kampus cawangan. Setiap strategi digarap melalui dokumen rasmi, diterjemahkan dalam bentuk pelan tindakan serta diperkukuh dengan nilai dan budaya kampus. Pendekatan ini menjadi asas kepada pelaksanaan menyeluruh serta memastikan setiap inisiatif Pd2P memberi impak langsung kepada kemenjadian Mahasiswa Adiwangsa yang holistik, berwibawa dan relevan di peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB02_20251_UiTMCM_1.2.a Pendekatan KPT, Melaka.docx.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB02_20252_UiTMCM_1.2.b Pendekatan UiTM, UiTMCM_edited.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB02_20253_UiTMCM_1.2.c Pendekatan PS_edited.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB02_20254_UiTMCM_1.2.d Tahun Adab UiTMCM 2024_edited.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB02_20255_UiTMCM_1.2.e Model Adiwangsa UiTMCM 2024.docx.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan strategi pembangunan pelajar dilaksanakan secara sistematik melalui penyebaran yang inklusif dan bersasar. Pelaksanaan ini diterjemahkan kepada lima bentuk utama: penyebaran dalaman, penglibatan staf/unit pelaksana, keterlibatan mahasiswa, kerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi, serta jaringan industri dan antarabangsa.

Penyebaran dalaman warga UiTMCM

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan semua staf dan pelajar mendapat pendedahan jelas mengenai hala tuju pembangunan pelajar melalui kaedah komunikasi top-down dan bottom-up. Amanat Rektor 2024, sesi Town Hall, majlis ukhwh serta program rasmi dan tidak rasmi menjadi platform penting menyalurkan maklumat strategik. Pendekatan turun padang ini membolehkan pimpinan mendengar isu serta cadangan daripada warga, sekali gus memastikan peranan setiap peringkat organisasi difahami dengan jelas (**UiTMCM_1.3a**).

Penyebaran melalui staf/unit pelaksana

Peranan unit BHEP dan sub-unit di bawahnya amat signifikan dalam memperluas pelaksanaan strategi. Melalui tiga program utama iaitu HEP Care & Future, LeadPreneur dan HEP Xpression, staf diberi mandat menyampaikan agenda pembangunan pelajar dalam bentuk program, latihan dan perkhidmatan. Inisiatif kesihatan mental oleh Unit Kaunseling, program sukan oleh Unit Sukan serta inisiatif kesihatan oleh Unit Kesihatan menjadi bukti pelaksanaan menyeluruh yang memberi manfaat terus kepada pelajar (**UiTMCM_1.3b**).

Penyebaran khusus kepada mahasiswa

Pengurusan Kanan UiTMCM memperkasa kepimpinan pelajar melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Jawatankuasa Perwakilan Residensi (JPRN) dan Majlis Perwakilan Kolej (MPK). Mereka dilatih menyampaikan semula dasar dan agenda kampus kepada rakan sebaya. Pemantapan Pembantu Minggu Destini Siswa (PMDs), bengkel calon MPP, bengkel hala tuju serta lawatan penandaarasan memberi latihan praktikal. Penganjuran UniFest dan Gegau Fest turut memperkukuh penyertaan mahasiswa dalam ekosistem kepimpinan kampus (**UiTMCM_1.3c**).

Penyebaran rangkaian agensi kerajaan negeri Melaka

UiTMCM menekankan hubungan strategik dengan kerajaan negeri dan agensi. Kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Melaka, sesi bersama Setiausaha Kerajaan Negeri serta Exco Pendidikan, Sains dan Teknologi memperlihatkan sokongan negeri terhadap agenda pembangunan pelajar. Program seperti Melaka International Intellectual Exposition (MIIEEX) 2024 dan Minggu Sains Negara yang dianjurkan bersama kerajaan negeri membuktikan penyebaran UiTMCM berimpak tinggi dengan liputan meluas di peringkat tempatan dan nasional (**UiTMCM_1.3d**).

Penyebaran di peringkat industri dan antarabangsa

Pengurusan Kanan UiTMCM turut memperluas agenda pembangunan pelajar melalui jaringan industri dan antarabangsa. Kerjasama dengan Yayasan Telekom Malaysia (YTM) melalui geran bernilai RM241,000 membuka peluang ke arah hasil Pd2P. Pada masa sama, pengukuhan jaringan antarabangsa dilaksanakan melalui MoA/MoU dengan pelbagai institusi, antaranya Institut Agama Islam Taqwa Fiddin Dumai (Indonesia), Chulalongkorn University (Thailand) serta lawatan akademik ke Vietnam. Pendedahan rentas sempadan ini memperlihatkan kompetensi global dan keterampilan kepimpinan pelajar UiTMCM (**UiTMCM_1.3e**).

Secara keseluruhannya, pelaksanaan strategi oleh Pengurusan Kanan UiTMCM diperkasa melalui lima bentuk penyebaran: dalaman, staf/unit pelaksana, mahasiswa, kerajaan negeri/agensi serta industri/antarabangsa. Kaedah penyebaran ini membuktikan keupayaan UiTMCM bukan sahaja merancang, malah mampu melaksanakan strategi dengan efektif dan

berimpak tinggi kepada objektif dan hasil inisiatif BT Pd2P.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB03_20251_UiTMCM_1.3.a_Penyebarluasan dalaman.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB03_20252_UiTMCM_1.3b_Penyebarluasan bersasar staf_edited.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB03_20253_UiTMCM_1.3c_Penyebarluasan bersasar pelajar .pdf](#)
4. [K0062_K01_KB03_20254_UiTMCM_1.3d_Penyebarluasan negeri Melaka.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB03_20255_UiTMCM_1.3e_Penyebarluasan peringkat industri antarabangsa.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan UiTMCM menekankan aspek pemantauan berterusan sebagai mekanisme penting dalam memastikan pelaksanaan inisiatif pelan strategik (PI) mencapai sasaran. Proses ini melibatkan platform pemantauan dalaman seperti mesyuarat pengurusan, bengkel strategik, serta semakan semula hala tuju oleh pengurusan tertinggi. Arahan pengurusan kanan melalui mesyuarat JK Enakmen, BHEP, dan BPJI membuktikan kepimpinan aktif memantau pelaksanaan kerja di pelbagai peringkat (**UiTMCM 1.4.1a**).

Selain itu, kepimpinan turut menekankan pemantauan bersama pihak luar sebagai strategi mitigasi risiko. Lawatan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), IPD Alor Gajah, serta pengesahan fasiliti oleh pihak industri memastikan perkhidmatan dan kemudahan UiTMCM menepati piawaian keselamatan, kebajikan dan keberkesanan program Pd2P. Langkah ini menunjukkan kepimpinan UiTMCM terbuka kepada akauntabiliti bersama pihak berkepentingan (**UiTMCM 1.4.1b**).

Pemantauan juga diperkukuh melalui lawatan berkala oleh pengurusan kanan ke kolej kediaman dan fasiliti dalaman. Inisiatif ini bertujuan membincangkan agenda keselamatan serta kebajikan pelajar, terutamanya non-residen, sekali gus memupuk keyakinan pelajar dan ibu bapa terhadap keseriusan pengurusan dalam aspek kesejahteraan (**UiTMCM 1.4.1c**).

Akhir sekali, kepimpinan memastikan pemantauan berbentuk data dan pelaporan rasmi seperti laporan kajian kepuasan hati pelanggan, laporan pencapaian objektif kualiti, laporan pengurusan risiko dan pelan tindakan resolusi. Dokumen ini bukan sahaja menjadi rujukan dalaman, malah menunjukkan kesediaan kepimpinan UiTMCM melaksanakan tindakan berasaskan bukti (evidence-based decision making) (**UiTMCM 1.4.1d**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB04_KC01_20251_UiTMCM_1.4.1a_dalaman_edited.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC01_20252_UiTMCM_1.4.1b_luaran.docx.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC01_20253_UiTMCM_1.4.1c_lawatan_berkala.docx.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB04_KC01_20254_UiTMCM_1.4.1d_laporan.docx-1.pdf](#)
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan UiTMCM turut menekankan tindakan pencegahan risiko sebagai strategi memastikan kelestarian pengurusan. Pada peringkat dalaman, pengurusan kanan melaksanakan mesyuarat pelarasan bersama Naib Canselor/TNCHEP dalam menilai keberkesanan perkhidmatan. Antara contoh tindakan termasuk penambahbaikan kemudahan perpustakaan, pengurusan pendaftaran kolej, serta penyampaian maklumat kepada pelajar melalui taklimat tatatertib (**UiTMCM 1.4.2a**).

Di peringkat luaran, kepimpinan mengambil pendekatan kolaboratif dengan pelbagai agensi. Perbincangan bersama JPK, sesi libat urus dengan pegawai kebajikan pelajar universiti awam lain, serta lawatan akademik ke institusi luar negara (contoh: Universitas Indonesia, UGM, ITB) membuktikan usaha kepimpinan memperkukuh penanda aras risiko pada skala lebih luas (**UiTMCM 1.4.2b**).

Kepimpinan UiTMCM juga memastikan tindakan pencegahan dilaksanakan secara sistematik melalui pendaftaran dan pelaporan risiko. Proses ini merangkumi pelaporan isu, maklum balas dan analisa risiko yang berkaitan dengan pengurusan akademik, pelajar serta operasi kampus. Data yang dikumpul diproses dalam sistem e-Merit dan laporan cawangan MDS sebagai asas tindakan lanjut. Langkah ini membuktikan kepimpinan menekankan pengurusan risiko berasaskan data dan mengamalkan budaya ketelusan (**UiTMCM 1.4.2c**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC02_20251_UiTMCM_1.4.2a_dalaman_edited.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC02_20252_UiTMCM_1.4.2b_luaran.docx.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC02_20253_UiTMCM_1.4.2c_pelaporan_edited.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan UiTMCM tidak hanya berhenti pada aspek pemantauan dan pencegahan, tetapi turut mengambil langkah penambahbaikan berterusan. Pengurusan kanan memastikan pelbagai bengkel dan kursus pengukuhan kepimpinan dianjurkan sebagai medium peningkatan kompetensi warga kerja. Program seperti Bengkel Pemantapan Strategik, TOT Fasilitator Aspirasi Utama dan Kursus Pengukuhan Staf UiTMCM berfungsi sebagai platform membina kapasiti kepimpinan dalam mengurus risiko secara lebih berkesan **(UiTMCM1.4.3a)**.

Dari sudut jaringan kerjasama, kepimpinan turut memanfaatkan peranan alumni dan jaringan luar untuk memperkukuh strategi penambahbaikan. Program mega seperti GegauFest, UniFest dan inisiatif Sinergi Perkhidmatan membuktikan wujudnya sokongan rakan strategik dalam melaksanakan pengurusan risiko berimpak tinggi tetapi berdaya jimat kos **(UiTMCM1.4.3b)**.

Selain itu, pengurusan kanan menekankan komunikasi dua hala top-down melalui pekeliling rasmi, memo dan emel arahan yang dikeluarkan oleh Naib Canselor, TNCHP, Rektor serta Timbalan Rektor. Arahan ini memberi penekanan kepada kepatuhan dan pematuhan tatacara pencegahan risiko di semua peringkat warga UiTMCM. Pekeliling Bendahari dan notis garis panduan (contoh: strategi aktiviti pelajar & inisiatif penjimatan) turut menjadi bukti jelas bahawa kepimpinan UiTMCM melaksanakan dasar secara menyeluruh dan konsisten **(UiTMCM1.4.3c)** dan **(UiTMCM1.4.3d)**.

Keseluruhannya, amalan pemantauan, tindakan pencegahan dan penambahbaikan risiko yang dipacu oleh kepimpinan UiTMCM menegaskan komitmen institusi untuk terus membina reputasi, mengekalkan kebolehpercayaan dan melindungi kesejahteraan warga kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC03_20251_UiTMCM_1.4.3a_latihan.docx.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC03_20252_UiTMCM_1.4.3b_program.docx.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC03_20253_UiTMCM_1.4.3c_topdown.docx.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB04_KC03_20254_UiTMCM_1.4.3d_pekeliling_edited.pdf](#)
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMCM telah mengintegrasikan pelbagai pendekatan dan strategi pembangunan pelajar melalui kepimpinan yang inklusif, bersinergi dan berkesan. Keseluruhan integrasi ini membuktikan keberkesanan UiTMCM dalam memayungi agenda Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P).

Integrasi Nilai & Budaya (ADAB & Adiwangsa - ESi-iDART)

Pengurusan Kanan UiTMCM menterjemahkan nilai teras ESi-iDART UiTM kepada pendekatan melalui Tahun ADAB UiTMCM 2024 dan Model Adiwangsa. Inisiatif ini membudayakan nilai sahsiah dan kualiti peribadi pelajar melalui kempen ADAB-ERAT, penerbitan Buku Tazkirah Adab dan Modul Adab Ikhwan di kolej kediaman. Model Adiwangsa mengintegrasikan tiga program teras Pd2P – HEP Care & Future, HEP LeadPreneur dan HEP Xpression – dengan objektif strategik yang jelas. Usaha ini membuktikan bahawa kepimpinan UiTMCM berjaya menyepadukan aspirasi universiti dengan budaya tempatan yang unik (**UiTMCM_1.5a**).

Integrasi Kepimpinan, Pengiktirafan & Lantikan Luar

Kredibiliti kepimpinan UiTMCM diperkukuh melalui pengiktirafan dan lantikan di peringkat negeri serta antarabangsa. Penganugerahan darjah kebesaran oleh TYT Negeri Melaka, Bintang Cemerlang Melaka serta pengiktirafan di peringkat negeri membuktikan keupayaan Pengurusan Kanan UiTMCM memimpin dengan integriti. Selain itu, pelantikan TRHEA sebagai penasihat usahasama akademik bersama Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia menandakan kepercayaan rakan antarabangsa terhadap kepimpinan UiTMCM. Integrasi pengiktirafan dan lantikan ini mengangkat imej UiTMCM sebagai kampus yang diyakini dan dijadikan rujukan oleh pihak luar (**UiTMCM_1.5b**).

Integrasi Pelajar sebagai Enabler Pd2P

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan mahasiswa tidak sekadar penerima dasar, tetapi juga enabler dalam menggerakkan Pd2P. Peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Jawatankuasa Perwakilan Residensi (JPRN) serta Majlis Perwakilan Kolej (MPK) diperkasa bagi menyampaikan dasar dan agenda kepimpinan kampus kepada rakan sebaya. Program seperti International Conference of Communication, Media and Politics 2024 (ICCMP 2024), bengkel calon MPP dan lawatan penandaarasan membuktikan integrasi pelajar dalam ekosistem kepimpinan. Usaha ini selari dengan Objektif Strategik 3 iaitu pembangunan kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global (**UiTMCM_1.5c**).

Integrasi Jaringan Negeri, Alumni, Industri & Penandaaras

Pengurusan Kanan UiTMCM berjaya menyepadukan peranan alumni, industri dan komuniti dalam memperkukuh Pd2P. Program TULUS 2.0, Malam Gala Alumni 25 Tahun dan Forum SKIT dengan alumni CEO membuktikan jaringan alumni menjadi jambatan integrasi. Kerjasama dengan Yayasan Telekom Malaysia (YTM), Affin Islamic Bank dan MDEC pula memperkukuh sokongan industri. Selain itu, kunjungan hormat pemimpin UiTMCM ke agensi luar serta lawatan benchmarking oleh institusi lain mengesahkan kepimpinan UiTMCM diyakini sebagai model amalan baik Pd2P (**UiTMCM_1.5d**).

Integrasi Antarabangsa & Aspirasi SDG

UiTMCM mengukuhkan integrasi global melalui mobiliti antarabangsa (S4S ke Thailand, MoA dengan DBSMB Indonesia), penyertaan dalam MIEX 2024, serta pengiktirafan dalam HONOR Global Talent Award dan HONOR Global Design Award. Pencapaian ini turut diperkukuh dengan penglibatan dalam agenda kelestarian global selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Kejayaan antarabangsa ini membuktikan UiTMCM bukan sahaja berjaya membudayakan nilai tempatan, malah mampu mengangkat kepimpinan pelajar ke persada

global (UiTMCM_1.5e).

Secara keseluruhannya, integrasi kepimpinan UiTMCM berteraskan ADAB dan Adiwangsa telah menyepadukan aspirasi universiti, negeri, alumni, industri, komuniti dan global. Pengurusan Kanan UiTMCM berperanan sebagai pemudah cara yang memastikan setiap pendekatan dapat diterjemah kepada pencapaian nyata dalam Pd2P sekali gus menzahirkan kejayaan UiTMCM dalam melahirkan Mahasiswa Adiwangsa yang holistik, berdaya saing dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB05_20251_UiTMCM_1.5a_edited.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB05_20252_UiTMCM_1.5b_edited1.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB05_20253_UiTMCM_1.5c_edited.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB05_20254_UiTMCM_1.5d_edited.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB05_20255_UiTMCM_1.5e_edited.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCM fokus dalam menggerakkan kampus untuk mencapai Bidang Tumpuan, iaitu Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P) berlandaskan nilai yang dibudayakan hasil aspirasi Rektor UiTMCM; Nilai: **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**. Tiga perkhidmatan utama pelajar; Pembangunan Pelajar, Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar serta Kepimpinan Pelajar diselaraskan dengan Program Utama, iaitu **Program HEP Care & Future, Program HEP Xpression dan Program HEP LeadPreneur** bagi mencapai Pd2P. Semua komponen ini diterjemahkan dalam **Model Adiwangsa UiTMCM 2024**.

Perancangan

UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) merangka Pelan Strategik 2024 (PS UiTMCM 2024) bersandarkan prinsip Plan-Do-Check-Act (PDCA). Perancangan ini memberi fokus kepada tiga objektif strategik (OS) utama iaitu:

OS1: Penambahbaikan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

OS2: Pembangunan pelajar melalui platform antarabangsa (Go-Global).

OS3: Kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global.

Pelaksanaan PS UiTMCM dilakukan melalui penglibatan menyeluruh pelbagai pihak dan pelaksanaan program utama yang diselaraskan dengan PI serta OS yang menyokong aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi, UiTM dan UiTMCM. Pelan Penyebarluasan PS merentasi:

Antarabangsa:

- Melaka International Intellectual Exposition 2024 (MIIEEx 2024)
- MoA bersama Departemen Bahasa Seni dan Manajemen Budaya (DBSMB), Indonesia
- Student For Society (S4S) ke Universiti Chulalongkorn, Thailand
- International Student Mobility Program 2024 bersama Universitas Islam Negeri K.H. Abdurrahman Wahid Pekalongan, Indonesia
- Global Issues Paper Presentation 2024 (GIPP 2024)
- International Conference of Communication, Media and Politics 2024 (ICCMP 2024)

Kebangsaan

- Program Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024,
- Siaran di Astro AWANI bagi MIIEEx 2024
- Siaran di RTM bagi MSN 2024

Negeri Melaka

- Minggu Sains Negara, Peringkat Negeri Melaka 2024 (MSN 2024)
- Wakaf Dusun Ilmu II (WADI II)
- Siaran di Melaka Hari ini bagi MSN 2024

Alumni

- Forum Sinergi Perkhidmatan: Keberkesanan Interaksi Tetamu dan Kakitangan (SKIT 2024)
- Malam Gala 25 Tahun UiTM
- Projek Tabung UMAT Lestari untuk Siswa (TULUS 2.0)

Pemantauan

Pemantauan PS UiTMCM dijalankan secara berkala melalui mesyuarat dalaman, laporan pencapaian PI dan laporan pengurusan risiko. Pelaksanaan PS dipantau oleh Rektor bersama

ketua fakulti/diaryatari/Unit, disokong oleh sistem pelaporan digital seperti Strategic Action Plan (SAP) dan SmartHEP. Proses ini turut melibatkan semua kumpulan sasar termasuk:

- Pelajar: Modul Adab UiTMCM (Adab Erat, Buku Tazkirah Adab, Modul Adab Ikhwan)
- Alumni: Persatuan Alumni UiTMCM (UMAT)
- Industri: Affin Islamic Bank (RM86,100), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) (RM98,700) & Yayasan Telekom Malaysia (RM241,000)

Dokumen Pelan Pemantauan UiTMCM 2024 diilhamkan oleh Rektor sebagai panduan kepada semua Pelaksana PS UiTMCM untuk memantau PS UiTMCM bagi mengenalpasti, menganalisa dan tindakan penambahbaikan terhadap risiko yang menjejaskan pencapaian PS UiTMCM.

Penambahbaikan

Tindakan penambahbaikan UiTMCM berpandukan analisis data Pencapaian dan Laporan Risiko. Dua risiko utama dikenalpasti dan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

Risiko 1 (Kekurangan Bajet):

- Punca: Polisi Bajet Kejut UiTM
- Tindakan Pencegahan: Pelaksanaan Projek TULUS 2.0 dan penggunaan laman sesawang rasmi UMAT sebagai saluran sumbangan kewangan alternatif.

Risiko 2 (Strategik):

- Punca: Isu sahsiah pelajar UiTMCM
- Tindakan Pencegahan: Ditangani melalui pelaksanaan **Modul Adab UiTMCM** sebagai intervensi strategik pembentukan sahsiah pelajar dan dinilai melalui soal selidik yang menunjukkan keberkesanan melebihi 98%.

Keberkesanan PS dibuktikan dengan pencapaian PI yang mencapai 100% status CAPAI dan LEBIH CAPAI serta pengiktirafan pelajar dalam pertandingan antarabangsa.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mencapai Pd2P, Pengurusan Kanan telah membentuk Model Adiwangsa UiTMCM 2024 yang disokong tiga Objektif Strategik (OS), iaitu:

OS1: Penambahbaikan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

OS2: Pembangunan pelajar melalui platform antarabangsa (Go-Global).

OS3: Kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global.

OS ini diselarikan dengan Teras Strategik yang merupakan perkhidmatan utama BHEP dan dipetakan dengan Program Utama, iaitu:

Teras I: Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar Berkualiti, Program HEP Xpression

Teras II: Pembangunan Pelajar Berteraskan Bakat & Nilai, Program HEP Care & Future

Teras III: Kepimpinan Pelajar Berteraskan Kompetensi Global, Program HEP LeadPreneur

OS, Teras Strategik dan Program Utama diselarikan daripada Pelan Strategik UiTM 2025, iaitu Dokumen rujukan Pelan Perancangan Strategik UiTM 2020-2025, Pelan Strategik Bahagian, Hal Ehwal Pelajar 2020–2025, Amanat Rektor 2024, Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2024 dan Objektif Kualiti (**UiTMCM_2.2a**).

Bagi **Program HEP Xpression** yang menyokong perkhidmatan dan kemudahan pelajar diselarikan dengan PI033, PI034 serta PI135, program ini fokus kepada **inisiatif strategik e-sport, projek anjuran residen kolej dan projek keceriaan kampus (UiTMCM_2.2b)**.

Maka, Pengurusan Kanan telah melaksanakan projek yang menyokong **OS1** antaranya ialah:

- Projek Sportspreneur
- Food Bank Siswa: The Pantry
- Projek Tabung UMAT Lestari untuk Siswa (TULUS 2.0)
- Laman Komuniti URHP KAG

Bagi **Program HEP Care & Future** yang selari dengan pembangunan pelajar disasarkan untuk PI027, PI028, PI029, PI030, PI032, PI036, PI037 dan PI139. Program ini fokus kepada **inisiatif strategik pengantarabangsaan, jaringan industri, projek inovasi, projek kesejahteraan emosi dan penjana pendapatan (UiTMCM_2.2c)**. Maka, Pengurusan Kanan telah melaksanakan projek yang menyokong **OS2** antaranya ialah:

- Student For Society (S4S) ke Universiti Chulalongkorn, Thailand
- MoA bersama Departemen Bahasa Seni dan Manajemen Budaya (DBSMB), Indonesia
- Program APB International Mobility dan SULAM Antarabangsa di Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia
- Language Through Songs: Panti Asuhan Asiyiyah Cabang Koto Tangah, Padang, Indonesia
- Melaka International Intellectual Exposition 2024 (MIIEEx 2024)
- Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Melaka 2024 (MSN 2024)
- Wakaf Dusun Ilmu II (WADI II)
- Malam Gala 25 Tahun UiTM
- Projek Tabung UMAT Lestari untuk Siswa (TULUS 2.0)
- Forum Sinergi Perkhidmatan: Keberkesanan Interaksi Tetamu dan Kakitangan (SKIT 2024)
- Geran Industri: Affin Islamic Bank (RM86,100)
- Geran Industri: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) (RM98,700)
- Geran Industri: Yayasan Telekom Malaysia (RM241,000)

Bagi **Program HEP LeadPreneur** yang selari dengan kepimpinan pelajar disasarkan untuk PI029, PI031, PI038 dan PI039. Program ini fokus kepada **inisiatif strategik kepimpinan, keusahawanan, program antarabangsa berkaitan kemahiran komunikasi, program/modul berkaitan patriotisme & inisiatif ESI-IDART (UiTMCM_2.2d)**. Maka, Pengurusan Kanan telah melaksanakan projek yang menyokong **OS3** antaranya ialah:

- Majlis Anugerah & Kepimpinan 2024 (MAPAM 2024)
- Modul Adab UiTMCM 2024

- Siswacare@KBM & Inkubator Keusahawanan
- Program Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024
- Projek KTP Terbaik : Amalan Pengambilan Air kosong dalam kalangan remaja
- S4S: Kampung Sungai Tuang, Kuala Sungai Baru, Melaka
- International Student Mobility Program 2024 bersama Universitas Islam Negeri K.H. Abdurrahman Wahid Pekalongan, Indonesia

Kejayaan Rektor memandu UiTMCM mencapai PS 2024 adalah berpandukan **Model Proses PS UiTMCM** yang mengandungi struktur PS, iaitu Nilai, Objektif PS, Inisiatif PS, Pelaksana PS, Matlamat PS. Bagi memacu kampus mencapai Pd2P **Model Adiwangsa UiTMCM 2024** menjadi rujukan utama (**UiTMCM_2.2.e**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB02_20251_UiTMCM_2.2a Pendekatan.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB02_20252_UiTMCM_2.2b PS Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB02_20253_UiTMCM_2.2c PS Pembangunan Pelajar.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB02_20254_UiTMCM_2.2d PS Kepimpinan Pelajar.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB02_20255_K0062_P01_PB02_20255_UiTMCM_2.2e Model Proses PS UiTMCM.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PS UiTMCM 2024 disebarluaskan kepada seluruh pelanggan dan dibudayakan oleh warga UiTMCM. Rektor memperkenalkan **Pelan Tindakan Penyebarluasan PS UiTMCM 2024** sebagai panduan kepada Ketua Fakulti/Bahagian/Unit untuk penyebaran maklumat PS UiTMCM 2024. Berikut adalah strategi perluasan PS UiTMCM (**UiTMCM_2.3a**) iaitu:

- Amanat Rektor 2024
- Bengkel Perancangan Strategik UiTMCM 2024
- Mesyuarat Dalaman 2024
- Program bersama Alumni 2024
- Minggu Destini Siswa 2024
- Laman Sesawang UiTMCM 2024
- Projek & Inisiatif
- Projek Pengantarabangsaan 2024
- Projek Nasional 2024
- Projek bersama Kerajaan Negeri 2024
- Projek anjuran Pelajar/MPP UiTMCM 2024
- Media Sosial UiTMCM 2024

Perluasan PS UiTMCM 2024 merangkumi penglibatan pelajar dalam aktiviti **di peringkat antarabangsa (UiTMCM_2.3b)** seperti:

Konferensi pelajar

- Global Issues Paper Presentation (GIPP 2024)
- International Conference of Communication, Media and Politics (ICCMP 2024)

Mobiliti antarabangsa

- Student For Society (S4S) ke Universiti Chulalongkorn, Thailand
- MoA bersama Departemen Bahasa Seni dan Manajemen Budaya (DBSMB), Indonesia
- Program APB International Mobility dan SULAM Antarabangsa di Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia
- Language Through Songs: Panti Asuhan Asiyiyah Cabang Koto Tangah, Padang, Indonesia

Jaringan Industri dan program inovasi antarabangsa

- Melaka International Intellectual Exposition 2024 (MIIEEx 2024)
- Geran Industri: Affin Islamic Bank (RM86,100)
- Geran Industri: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) (RM98,700)
- Geran Industri: Yayasan Telekom Malaysia (RM241,000)

Perluasan di peringkat antarabangsa melibatkan Ucapan Perasmian dan Ucap-tama oleh Pengurusan Kanan UiTMCM fokus untuk sebarluaskan PS UiTMCM kepada komuniti antarabangsa dan pemain global bagi meningkatkan ketampakan UiTMCM di peringkat global.

Perluasan PS UiTMCM 2024 **di peringkat nasional** yang terbahagi kepada 3 platform, iaitu televisyen, laporan akhbar utama dan penglibatan program Kebangsaan. Strategi ini meningkatkan ketampakan UiTMCM di peringkat Kementerian Persekutuan, Kerajaan Negeri Melaka dan komuniti (**UiTMCM_2.3c**):

Siaran televisyen nasional

- Temubual khas Rektor di Astro AWANI bagi mempromosikan Projek MIIEEx 2024
- Temubual khas Rektor di RTMI bagi mempromosikan Projek MSN 2024

Laporan akhbar utama

- Sinar Harian: Jaga Adab, Patuhi Syarak Ketika Ziarah-Menziarahi, Dr. Khairul Azhar oleh Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCM
- Utusan Malaysia: Jadi Pelajar Berhati Waja, Dr. Asma' Wardah Suratman oleh Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCM
- Berita Harian: Anak Muda Generasi Penerus Jiwa Merdeka oleh Pelajar, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTMCM
- Melaka Hari Ini: Ketua Menteri Pelawa Pelajar IPT Bersama Majukan Melaka oleh Wartawan MHI.

Penglibatan Program Kebangsaan

- Program kebangsaan rasmi: Penyertaan pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Perhubungan Awam) sebagai Koordinator Bersama Tugas Perhubungan Awam dan Media dalam Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024 dirasmikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, Permaisuri Agong.

Peluasan **di peringkat alumni** merupakan idea Rektor untuk memperkukuhkan jaringan alumni dan industri agar inisiatif ini menjadi jambatan kepada pelajar untuk bekerjasama dengan industri (**UiTMCM_2.3d**):

- Bicara Kepimpinan bersama Alumni: Penganjuran program Forum SKIT 2024 dengan Penglibatan alumni profesional bertaraf CEO.
- Malam Gala 25 Tahun UiTM: Menghimpunkan alumni pelbagai bidang sempena ulang tahun penubuhan UiTM
- TULUS 2.0: Mengumpul dana kebajikan pelajar UiTMCM melalui jaringan alumni

Perluasan PS UiTMCM lebih sistematik dengan menggunakan **multi-platform gabungan konvensional dan digital (UiTMCM_2.3e)** seperti:

- Laman sesawang UiTMCM
- Dokumen Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2024
- Media Sosial UiTMCM
- Bengkel PS UiTMCM

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB03_20251_UiTMCM_2.3a Dokumen Pelan Tindakan PS UiTMCM.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB03_20252_UiTMCM_2.3b Penyebarluasan Antarabangsa.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB03_20253_UiTMCM_2.3c Penyebarluasan Nasional.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB03_20254_UiTMCM_2.3d Penyebarluasan Alumni.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB03_20255_UiTMCM_2.3e Penyebarluasan Platform.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCM fokus dalam memastikan PS UiTMCM telah disebar luas melalui proses pemantauan yang sistematik melibatkan seluruh Warga UiTMCM dan semua pelanggan UiTMCM bagi mencapai OS dan inisiatif strategik. Pemantauan PS UiTMCM **dilaksanakan menggunakan data empirikal tahun 2023** yang dianalisis dan menjadi input PS UiTMCM 2024 (**UiTMCM_2.4.1a**). Antara data yang terlibat adalah:

- **Data Pencapaian Penjana Pendapatan UiTMCM (2020-2023)**
- **Data Pencapaian PI UiTMCM (2023)**
- **Data Pengesanan Graduan(2023)**
- **Laporan Kajian Kepuasan Hati Pelanggan: UiTMCM 2023**
- **Laporan Analisa Aktiviti Pelajar 2023**

Data-data ini diperolehi daripada kumpulan sasar UiTMCM (**UiTMCM_2.4.1b**):

- **Staf**
- **Pelajar**
- **Alumni**
- **Industri**
- **Komuniti**
- **Kontraktor**

Data-data ini dibentang dan dipantau melalui platform mesyuarat dalaman dan Bengkel PS UiTMCM:

- **Mesyuarat fakulti/unit/bahagian**
- **Mesyuarat Pengurusan kampus (MPKAG, MPKBM, MPKJM)**
- **Mesyuarat Perancangan Strategik**
- **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko Negeri (JPRN)**
- **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**
- **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**
- **Bengkel PS UiTMCM**
- **Bengkel PS fakulti/unit/bahagian**

Pemantauan PS UiTMCM 2024 turut fokus kepada Pd2P bagi memastikan pencapaian OS dan pelaksanaan Inisiatif Strategik dilaksanakan. Inisiatif strategik dibentuk berdasarkan maklum balas kumpulan sasar dan diselarikan dengan OS (menyokong aspirasi nasional dan UiTM). Berikut adalah OS dan input kumpulan sasar serta inisiatif strategik yang membentuk PS UiTMCM 2024 (**UiTMCM_2.4.1c**):

OS1

- Kumpulan sasar: Staf, Pelajar, Kontraktor
- Inisiatif Strategik: Projek Sportspreneur, Food Bank Siswa: The Pantry, Laman Komuniti URHP KAG

OS2

- Kumpulan sasar: Staf, Pelajar, Alumni
- Inisiatif Strategik: MIIEx 2024, S4S ke Universiti Chulalongkorn, Thailand, TULUS 2.0

OS3:

- Kumpulan sasar: Staf, Pelajar, Alumni, Industri, Komuniti
- Inisiatif Strategik: Modul Adab UiTMCM 2024, Geran Industri: Affin Islamic Bank, Malaysia Digital Economy Corporation, Yayasan Telekom Malaysia, Projek WADI II

Bagi menggerakkan PS UiTMCM 2024, Pengurusan Kanan melibatkan semua warga dalam Struktur Pelaksana PS UiTMCM 2024. Rektor adalah Pengerusi Utama, Pengurusan Kanan merangkap Ketua Pengarah dan AJK Projek terdiri daripada staf sokongan serta staf akademik. Struktur pelaksana membudayakan proses PDCA bagi melaksanakan PS UiTMCM (UiTMCM_2.4.1d). Amanat kepimpinan, bengkel dan mesyuarat menjadi asas perancangan. Penyebaran dilaksanakan melalui media sosial dan program rasmi, manakala pemantauan dilakukan melalui pelaporan pencapaian indikator utama. Hasilnya dibentangkan dalam mesyuarat berkala bagi tujuan penambahbaikan resolusi (UiTMCM_2.4.1e). Proses lengkap PDCA adalah budaya kerja UiTMCM yang diterapkan oleh Pengurusan Kanan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB04_PC01_20251_K0062_P01_PB04_PC01_20251_UiTMCM_2.4.1a Input PS UiTMCM 2024.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC01_20252_UiTMCM_2.4.1b Kumpulan Sasar.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC01_20253_UiTMCM_2.4.1c Inisiatif Strategik.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC01_20254_UiTMCM_2.4.1d Pelaksana PS UiTMCM.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC01_20255_UiTMCM_2.4.1e Platform Pemantauan.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pelaksanaan PS UiTMCM 2024, beberapa risiko utama telah dikenalpasti menjejaskan pencapaian OS yang telah diselaraskan untuk mencapai Pd2P. Berdasarkan pelan pemantauan menggunakan pendekatan PDCA, dua risiko utama dikenal pasti (**UiTMCM_2.4.2a**).

Risiko 1 (Kekurangan Bajet):

- Punca: Polisi Bajet Kejut UiTM
- Input: Mesyuarat Dalaman UiTMCM, Bengkel PS UiTMCM 2024, Pencapaian PI UiTMCM 2024

Risiko 2 (Strategik):

- Punca: Isu sahsiah pelajar UiTMCM
- Input: Bengkel PS UiTMCM 2024, Pencapaian PI UiTMCM 2024

Pengurusan Kanan mempraktikkan kaedah pengurusan risiko yang berkesan secara bengkel PS bersemuka dengan penglibatan bersama Ketua Fakulti/Bahagian/Unit. Segala input dan data dianalisis serta didokumenkan untuk mencapai resolusi menangani risiko (**UiTMCM_2.4.2b**). Berikut adalah dokumen rujukan risiko PS UiTMCM:

- Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Melaka 2024
- Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Melaka 2024 (Resolusi)
- Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM 2024
- Bengkel Perancangan Strategik & Transformasi Kepimpinan UiTMCM 2024
- Minit Mesyuarat Dalaman UiTMCM
- Laporan Bengkel PS UiTMCM 2024

Hasil pemantauan risiko PS yang strategik, Pengurusan Kanan berjaya mengenalpasti tindakan penambahbaikan (**UiTMCM_2.4.2c**) bagi mencapai OS dan Pd2P:

Risiko 1 (Kekurangan Bajet):

- Punca: Polisi Bajet Kejut UiTM
- Tindakan Pencegahan: Pelaksanaan Projek TULUS 2.0 dan penggunaan laman sesawang rasmi UMAT sebagai saluran sumbangan kewangan alternatif.

Risiko 2 (Strategik):

- Punca: Isu sahsiah pelajar UiTMCM
- Tindakan Pencegahan: Ditangani melalui pelaksanaan Modul Adab UiTMCM sebagai intervensi strategik pembentukan sahsiah pelajar dan dinilai melalui soal selidik yang menunjukkan keberkesanan melebihi 98%.

Keupayaan Rektor memacu PS UiTMCM adalah berdasarkan faktor strategi pengurusan risiko berkesan:

- Bengkel PS bersemuka dengan penglibatan Pengurusan Kanan bersama Ketua Fakulti/Bahagian/Unit serta Pelaksana PS UiTMCM
- Pemantauan PS UiTMCM berkala dan kekerapan yang tinggi, iaitu sebulan sekali.

Hasil Pelan Pemantauan PS UiTMCM 2024 berasaskan proses PDCA telah menghasilkan semua PI mencapai Pd2P dilaksanakan dengan status CAPAI dan LEBIH CAPAI (**UiTMCM_2.4.2d**). Satu Pelan Penyebarluasan bagi menyebarkan kejayaan PS UiTMCM dilaksanakan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan Kerajaan Negeri (**UiTMCM_2.4.2e**):

Antarabangsa

- MIIEx 2024
- MoA bersama DBSMB,
- S4S ke Universiti Chulalongkorn, Thailand

Kebangsaan

- TULUS 2.0
- Malam Gala 25 Tahun UiTM
- Program Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024

Kerajaan Negeri

- MSN 2024
- Wakaf Dusun Ilmu II (WADI II)

Ini membuktikan kejayaan UiTMCM dalam pengurusan risiko dan kejayaan ini disebarluaskan kepada seluruh kumpulan sasaran UiTMCM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC02_20251_UiTMCM_2.4.2a Pelan Pemantauan.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC02_20252_UiTMCM_2.4.2b Dokumen Pemantauan PS UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC02_20253_UiTMCM_2.4.2c Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC02_20254_K0062_P01_PB04_PC02_20254_UiTMCM_2.4.2d Pelaporan Status CAPAI.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC02_20255_UiTMCM_2.4.2e Sebar luas Penambahbaikan.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan PS UiTMCM adalah berdasarkan data empirikal yang dianalisis:

- **Laporan Pengurusan Risiko 2024**
- **Laporan Pencapaian PI bulanan**
- **Data soal selidik bagi Modul Adab UiTMCM**

Setelah data dianalisis dan dibentangkan, Pengurusan Kanan UiTMCM mengambil tindakan proaktif untuk Tindakan Penambahbaikan (**UiTMCM_2.4.3a**). Dua risiko utama dikenal pasti:

Risiko 1 (Kekurangan Bajet):

- Punca: Polisi Bajet Kejut UiTM
- Tindakan Pencegahan: Pelaksanaan Projek TULUS 2.0 dan penggunaan laman sesawang rasmi UMAT sebagai saluran sumbangan kewangan alternatif.

Risiko 2 (Strategik):

- Punca: Isu sahsiah pelajar UiTMCM
- Tindakan Pencegahan: Ditangani melalui pelaksanaan Modul Adab UiTMCM sebagai intervensi strategik pembentukan sahsiah pelajar dan dinilai melalui soal selidik yang menunjukkan keberkesanan melebihi 98%

Satu Pelan Penyebarluasan bagi menyebarkan kejayaan PS UiTMCM dilaksanakan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan Kerajaan Negeri (**UiTMCM_2.4.2b**):

Antarabangsa

- MIIEx 2024
- MoA bersama DBSMB,
- S4S ke Universiti Chulalongkorn, Thailand

Kebangsaan

- TULUS 2.0
- Malam Gala 25 Tahun UiTM
- Program Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024

Kerajaan Negeri

- MSN 2024
- Wakaf Dusun Ilmu II (WADI II)

Pelaporan PI berkala dibentangkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM dalam Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat Dalaman menunjukkan pencapaian membanggakan (**UiTMCM_2.4.3c**). Berdasarkan jadual prestasi PI 2024, 100% indikator telah mencapai status CAPAI dan LEBIH CAPAI, antaranya PI033 (e-sukan), PI037 (inovasi), dan PI036 (industri kreatif) (**UiTMCM_2.4.3d**).

Tindakan Penambahbaikan yang efektif telah menghasilkan beberapa inovasi PS (**UiTMCM_2.4.3e**):

Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2024 (Resolusi) sebagai Rujukan Risiko PS

- Dokumen Resolusi ini menjadi bahan rujukan utama dalam pengurusan risiko strategik PS dan dimuat naik ke dalam Laman Sesawang rasmi UiTMCM untuk akses kepada kumpulan

sasar.

Modul Adab UiTMCM: Buku Tazkirah Adab sebagai Intervensi Strategik Pelajar

- Buku Tazkirah Adab diaplikasi dalam kurikulum dengan mengintegrasikan komponennya dalam Pelan Pengajaran, Diploma Komunikasi dan Media (MC110) sebagai kampus Pengurus Utama (PU). Pelan ini dimuatnaik ke dalam Sistem UFUTURE untuk di akses oleh kampus Pengurus Pelaksana (PP) yang lain.

Secara keseluruhannya, tindakan penambahbaikan UiTMCM adalah bersifat menyeluruh, berpandukan data dan responsif terhadap cabaran semasa dengan penekanan kepada kelestarian dan penglibatan seluruh kumpulan sasaran.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC03_20251_UiTMCM_2.4.3a_Tindakan_Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC03_20252_UiTMCM_2.4.3b_Sebar_luas_Cadangan_Penambahbaikan.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC03_20253_UiTMCM_2.4.3c_Pemantauan_PS_UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC03_20254_UiTMCM_2.4.3d_Pelaporan_Status_CAPAI.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC03_20255_K0062_P01_PB04_PC03_20255_UiTMCM_2.4.3e_Inovasi_PS.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi PS UiTMCM hasil daripada proses PDCA adalah Kolaborasi strategik bersama UMAT, Pelancaran Kempen Adab UiTMCM 2024 dan pendigitalan dokumen PS ke dalam Laman Sesawang UiTMCM (**UiTMCM_2.5a**) diamal serta dibudayakan ke pelbagai peringkat:

Pembudayaan inovasi PS UiTMCM 2024 di peringkat antarabangsa seperti:

- Mobiliti antarabangsa: Program S4S ke Thailand, MoA bersama DBSMB Indonesia, dan International Student Mobility Program ke Pekalongan.
- Jaringan Industri dan program inovasi antarabangsa: Penglibatan dalam MIIEx 2024 dan kemenangan HONOR Global Talent Award 2024, MLBB 2024

Pembudayaan di peringkat kebangsaan melalui penganjuran program nasional:

- Program profil tinggi: Pelajar UiTMCM selaku Koordinator Bersama bagi Tugas Perhubungan Awam dan Media bagi Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024 yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, isteri Perdana Menteri, YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Ab Rahman, Isteri TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Pembudayaan di peringkat alumni bertujuan memperkukuhkan jaringan alumni dan industri agar inisiatif ini menjadi jambatan kepada pelajar untuk bekerjasama dengan industri:

- Bicara Kepimpinan bersama Alumni: Penganjuran program Forum SKIT 2024 dengan Penglibatan alumni profesional bertaraf CEO.
- Malam Gala 25 Tahun UiTM: Menghimpunkan alumni pelbagai bidang sempena ulang tahun penubuhan UiTM
- TULUS 2.0: Mengumpul dana kebajikan pelajar UiTMCM melalui jaringan alumni

Inovasi PS UiTMCM, iaitu Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2024 turut diakses oleh kumpulan sasar melalui Laman Sesawang Rasmi UiTMCM dan strategi ini membuka peluang luas sumbangan kewangan daripada Alumni serta pemain industri (**UiTMCM_2.5b**).

Integrasi inovasi yang menyeluruh dibuktikan dengan lawatan penanda aras di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri Melaka (**UiTMCM_2.5c**) sehingga membuka ruang kepada penawaran Geran Industri:

Geran Industri

- Affin Islamic Bank (RM86,100)
- Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) (RM98,700)
- Yayasan Telekom Malaysia (RM241,000)

Modul Adab Erat cetusan Pengurusan Kanan UiTMCM bukan sahaja diguna pakai pelajar UiTMCM, malah turut dibudayakan oleh UiTM CNS, Kampus Rembau melalui hebahan aktiviti akademik (**UiTMCM_2.5d**).

Kejayaan proses integrasi PS UiTMCM dilaporkan dengan pencapaian Pelajar UiTMCM dinobatkan dalam pertandingan antarabangsa, di samping kejayaan UiTMCM meraih pelbagai anugerah (**UiTMCM_2.5e**):

Pencapaian UiTM Cawangan Melaka (AKPU 2024)

- Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024)
- Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2024
- Anugerah Kecemerlangan SAP Berterusan 2024

HONOR Global Design Awards 2024

Dua lagi pelajar telah diiktiraf menerusi kategori 'Best Talent'. Saudara Mior Irfan Iskandar dengan karya bertajuk "Timeless Landmark" dan Saudari Nurain Jahari dengan karya bertajuk "Pesona Warisan dan Lagenda" masing-masing menerima hadiah aksesori HONOR dan sijil anugerah.

Pengiktirafan ini membuktikan PS UiTMCM yang digerakkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM adalah strategik dan berjaya!

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB05_20251_UiTMCM_2.5a Sebar luas Cadangan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB05_20252_UiTMCM_2.5b Inovasi PS UiTMCM \(ebook Pelan Tindakan\).pdf](#)
3. [K0062_P01_PB05_20253_UiTMCM_2.5c Lawatan Penanda Aras.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB05_20254_UiTMCM_2.5d Inovasi PS.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB05_20255_UiTMCM_2.5e Pengiktirafan PS UiTMCM.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) komited memperkukuh agenda universiti melalui sokongan menyeluruh kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dalam melaksanakan **Bidang Tumpuan (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P)**. Pendekatan ini dipacu oleh nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa** secara holistik, berintegriti, serta berdaya saing global. Sokongan dizahirkan melalui penyediaan sumber yang mencukupi, latihan berterusan, komunikasi terbuka, pengiktirafan pencapaian staf, serta kolaborasi erat antara fakulti, kolej kediaman dan pihak pentadbiran melalui **Modul Adiwangsa UiTMCM 2024**.

Perancangan

BHEP merangka pelan strategik berfokus kepada pembangunan pelajar dari segi sahsiah, kepimpinan, kebolehpasaran, dan pengantarabangsaan. Perancangan turut memberi tumpuan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai suara dan wakil rasmi pelajar di UiTMCM. Selain itu, perancangan pelanggan berpandukan Petunjuk Prestasi (PI) universiti, maklum balas pelanggan, serta data rasmi seperti Student Information Management System (SIMS), MyRA, dan pangkalan data BHEP. Pengurusan data yang sistematik memastikan setiap program selaras dengan keperluan semasa pelajar, manakala penglibatan industri, komuniti, dan rakan antarabangsa dirancang bagi memperluas impak pembangunan pelajar.

Pelaksanaan

Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif berimpak tinggi dilaksanakan, antaranya kejayaan BHEP mengekalkan pencapaian 100% PI selama tiga tahun berturut-turut dan menerima pengiktirafan nasional melalui Anugerah Meeting of Students Affairs Administrators (MOSAA). Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCM pula telah mendapat beberapa anugerah dalam Majlis Penghargaan dan Anugerah Kepimpinan (MAPAM) Majlis Perwakilan Pelajar. Pelaksanaan Tahun ADAB 2024 menjadi teras pembentukan nilai murni mahasiswa, melalui Modul Adab UiTMCM yang diperluas, Bengkel TOT ADAB Ikhwan, dan integrasi nilai adab dalam *Lesson Plan*. Program pembangunan pelajar turut diperkasa melalui Dapur HEP, Siswacare@KBM, Inkubator Keusahawanan, Melaka International Intellectual Exposition 2024 (MIIEx 2024), Projek Student For Society (S4S) ke Chulalongkorn University Thailand, Foodbank The Pantry, serta mobiliti antarabangsa seperti SULAM Universitas Air Langgar (UNAIR), Indonesia dan kolaborasi bersama Universitas Syiah Kuala Banda Aceh.

Pemantauan

Keberkesanan pelaksanaan dipastikan melalui Mesyuarat BHEP berkala, laporan PI tahunan, audit dalaman dan audit luaran (iQMS), dan instrumen penilaian seperti TESA, TEX, Pro-Pens, MyATP, SUFO, serta borang maklum balas selepas program. Modul Adab UiTMCM (Adab Erat) turut dipantau melalui laporan tinjauan soal selidik. Saluran digital seperti e-aduan (UiTM Shah Alam) dan e-Maklumbalas Pelanggan (eMP) (UiTMCM) memastikan maklum balas pelajar diambil kira. Data ini dianalisis bagi mengukur kepuasan, mengenal pasti risiko seperti kadar penyertaan rendah atau kekangan bajet, dan merangka mitigasi.

Penambahbaikan

Penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan melalui analisis pasca program, *risk register*, dan cadangan penambahbaikan daripada warga UiTMCM Pendekatan kolaboratif dengan industri, komuniti, dan rakan strategik memastikan kandungan program kekal relevan dan berdaya saing. Usaha ini membolehkan UiTMCM mengekalkan reputasi sebagai institusi yang bukan sahaja melahirkan graduan cemerlang akademik, tetapi juga berakhlak mulia, berkemahiran insaniah tinggi, dan berpotensi memimpin di peringkat global.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka (UiTMCM) sentiasa berpegang teguh kepada prinsip penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti tinggi selaras dengan kehendak serta keperluan pelanggan. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan universiti untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang inklusif, holistik dan memenuhi standard kecemerlangan institusi pendidikan tinggi. Ini juga mendukung teras tema **Sinergi bersama dan Sinergitrust : Bina Mahasiswa Adiwangsa**.

Untuk memastikan perkhidmatan kekal tersusun dan berimpak, BHEP UiTMCM membahagikan pelanggan kepada dua kategori utama: **pelanggan dalaman dan pelanggan luaran**. **Pelanggan dalaman merangkumi pelajar, staf akademik dan bukan akademik, manakala pelanggan luaran meliputi institusi pengajian lain, industri, agensi kerajaan, komuniti, alumni dan ibu bapa**.

PTAR berperanan sebagai pusat sumber ilmu yang menyediakan akses mudah kepada pelajar terhadap pelbagai koleksi buku, jurnal, dan bahan ilmiah yang relevan serta keselamatan staf dan pelajar. Selaku Juara inovasi KIK 2024, PTAR UiTMCM berjaya melaksanakan pemuliharaan serta penjagaan bahan rujukan yang mencukupi dan berkualiti bagi memastikan pelajar mempunyai peluang terbaik bagi menimba ilmu dan melengkapkan proses pembelajaran mereka dengan berkesan (**UiTMCM_3.2a**).

Selain itu, UiTMCM turut menggunakan sistem Penilaian Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan melalui platform Student Feedback Online (SuFO) (**UiTMCM_3.2b**). Melalui mekanisme ini, pelajar diberikan ruang dan peluang untuk memberikan maklum balas serta cadangan berkaitan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran, termasuk kemudahan yang disediakan di universiti.

Projek Operational Excellence (OE) Little Free Library (LFL) UiTM Melaka ialah inisiatif inovatif berkonsepkan "Take a Book, Share a Book" yang beroperasi 24 jam sehari tanpa prosedur formal. Ia membolehkan **pelajar, pensyarah, staf dan komuniti** setempat mengakses dan menyumbang buku secara bebas. Dengan lebih 200 buku pelbagai genre disediakan, LFL memudahkan akses kepada ilmu, memupuk budaya membaca serta menggalakkan semangat berwaqaf buku, sekali gus menyokong pembinaan komuniti kampus yang berilmu dan prihatin. (**UiTMCM_3.2c**)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di UiTMCM memainkan peranan penting dalam mengendalikan aktiviti pelajar. Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM telah memberi panduan jelas kepada pelajar amnya dan MPP secara khususnya dalam mewakili pelajar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti secara teratur mengikut prosedur universiti, sekali gus melatih mereka menjadi lebih bertanggungjawab, berdisiplin dan berkemahiran tinggi. Di samping itu, manual ini memudahkan urusan permohonan dan kelulusan, memastikan pematuhan kepada peraturan universiti, serta menyokong pengiktirafan aktiviti dalam rekod kokurikulum pelajar, yang memberi nilai tambah kepada pembangunan diri dan masa depan mereka (**UiTMCM_3.2d**).

Kursus Pembangunan dan Pengukuhan Program Kebajikan Pelajar memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar UiTM dengan memperkasa pengetahuan dan kemahiran mereka dalam merancang serta melaksanakan program kebajikan yang lebih berkesan. Kursus ini membantu meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan kebajikan komuniti kampus, di samping memupuk nilai empati, kepimpinan dan semangat sukarelawan. Ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakan pelajar, sekali gus membentuk sahsiah terpuji dan menyumbang kepada pembangunan holistik sebagai mahasiswa UiTM (**UiTMCM_3.2e**).

Secara keseluruhannya, pendekatan penilaian berterusan yang menggabungkan penyediaan sumber pembelajaran berkualiti dan platform maklum balas pelajar ini membuktikan komitmen UiTMCM dalam menjaga dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan khususnya pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB02_20251_UiTMCM_3.2a_KIK C Lite_edited.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB02_20252_UiTMCM_3.2b_SuFO.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB02_20253_UiTMCM_3.2c_Little free library.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB02_20254_UiTMCM_3.2d_Manual pengurusan aktiviti pelajar.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB02_20255_UiTMCM_3.2e_Kebajikan pelajar.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM melalui BHEP berpegang kepada nilai **Sinergi Bersama dan Sinergitrust** dalam melaksanakan **Bidang Tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P)**. Strategi pelaksanaan menekankan kecekapan pengurusan data pelanggan dan penglibatan aktif kumpulan sasaran bagi memastikan setiap inisiatif pembangunan pelajar dilaksanakan secara menyeluruh dan berimpak tinggi. Data pelajar baharu dikumpul semasa Minggu Destini Siswa (MDS) (**UiTMCM_3.3a**) sebelum direkodkan dalam pangkalan data rasmi, manakala data pelajar sedia ada dikemas kini melalui Student Information Management System (SIMS) (**UiTMCM_3.3b**) oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Data projek keusahawanan direkodkan oleh ICAN melalui Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI), data penyelidikan pula direkodkan dalam MyRA manakala data staf diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Semua data diurus dengan kawalan akses ketat dan digunakan untuk perancangan strategik.

Penglibatan pelanggan utama iaitu, pelajar, staf, industri dan komuniti, sentiasa diperkasa. Staf akademik berperanan menerapkan nilai adab dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan Tahun ADAB 2024 melalui Modul Adab UiTMCM (Adab erat, Buku Tazkirah Adab, Adab Ikhwan). Nilai ini diintegrasikan dalam Lesson Plan (**UiTMCM_3.3c**) dan diperkukuh melalui bengkel seperti Bengkel TOT ADAB Ikhwan, selain sesi perkongsian nilai yang membentuk peribadi mahasiswa berintegriti dan berdaya saing global.

Staf bukan akademik pula membangunkan potensi pelajar di luar bilik kuliah melalui program seperti Dapur HEP (**UiTMCM_3.3d**), Siswacare@KBM dan Inkubator Keusahawanan Kolej Kediaman, yang memupuk kemahiran insaniah, keusahawanan dan kesedaran sosial.

Hubungan dengan industri diperkuatkan melalui program seperti Melaka International Intellectual Exposition 2024 (MIIEEx 2024) dan sesi bersama agensi luar yang membuka peluang jaringan profesional, latihan industri dan kerjaya. Kerjasama antarabangsa dimantapkan dengan MoU bersama Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Syari'ah Bengkalis, Universitas Naudhatu Ulama (UNU) Pasuruan dan Sekolah Tinggi Agama Islam Salahuddin (STAIS) Pasuruan, yang meliputi kolaborasi akademik, penyelidikan bersama dan mobiliti pelajar.

Penglibatan komuniti dilaksanakan melalui program khidmat masyarakat dan CSR seperti Projek Student for Society (S4S) ke Chulalongkorn University, Thailand, Program CSR Padang, Foodbank The Pantry dan Laman Komuniti Unit Residen & Hospitaliti Pelajar (URHP) Kampus Alor Gajah (KAG), yang memupuk empati, semangat kesukarelawanan dan kesedaran sosial.

Pengantarabangsaan pelajar menjadi fokus melalui International Mobility dan SULAM Antarabangsa UNAIR Indonesia serta kolaborasi Fakulti Perakaunan (FPN) dengan Universitas Syiah Kuala Banda Aceh. Program ini memberi pendedahan pembelajaran rentas budaya, memperluas perspektif global dan meningkatkan daya saing antarabangsa pelajar.

Perluasan nilai Sinergibersama memastikan semua pihak berkepentingan digerakkan secara kolektif dalam ekosistem pembangunan pelajar, manakala Sinergitrust menjamin integriti, ketelusan dan kebolehpercayaan setiap inisiatif. Gabungan kedua-dua nilai ini membentuk mahasiswa adiwangsa yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga unggul dari segi sahsiah, kemahiran insaniah dan kepimpinan global, selaras dengan aspirasi UiTM melahirkan graduan holistik, berciri global dan berdaya saing (**UiTMCM_3.3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB03_20251_UiTMCM_3.3a_Borang_maklumbalas_MDS.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB03_20252_UiTMCM_3.3b_SIMS_UiTM.pdf](#)

3. [K0062_T01_TB03_20253_UiTMCM_3.3c_Lesson Plan-ADAB.ppt](#)
4. [K0062_T01_TB03_20254_UiTMCM_3.3d_PELAPORAN KEMAJUAN DAPUR HEP URHP KAG_edited.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB03_20255_UiTMCM_3.3e_Anugerah Pelajar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

BHEP UiTMCM melaksanakan pelbagai mekanisme sistematik bagi memastikan inisiatif pengurusan dan program pembangunan pelajar dilaksanakan secara berkesan, berkualiti dan selari dengan aspirasi universiti. Mesyuarat BHEP (**UiTMCM_3.4.1a**) diadakan secara berkala untuk menyemak dan menilai keberkesanan program agar memenuhi Petunjuk Prestasi (PI) universiti. Melalui pemantauan ini, BHEP UiTMCM juga melaksanakan latihan berterusan kepada staf bagi meningkatkan kompetensi staf dan memenuhi kehendak pelanggan dengan cemerlang. Hasilnya BHEP UiTMCM diiktiraf melalui Anugerah Khas Rektor – Bahagian Terbaik sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi (**UiTMCM_3.4.1b**).

Sistem pemantauan diperkuat dengan instrumen seperti Teaching Evaluation Student Assessment (TESA), Teaching Experience (TEX), Program Outcome Evaluation (Pro-Pens), MyATP dan Student Feedback Online (SUFO) bagi menilai tahap kepuasan pelajar terhadap pembelajaran dan penyampaian program. Dapatan ini menjadi kayu ukur penambahbaikan kualiti perkhidmatan, dilaksanakan secara terancang melalui mesyuarat berkaitan.

Bagi program berteraskan pembentukan sahsiah, seperti Modul Adab UiTMCM (Adab Erat), pemantauan dilakukan melalui laporan tinjauan borang soal selidik selepas aktiviti (**UiTMCM_3.4.1c**). Kaedah ini membolehkan pihak penganjur mengenal pasti keberkesanan modul dan merumuskan cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan seterusnya.

Jaminan kualiti kurikulum pula dikawal melalui audit dalaman dan luaran (iQMS) berkala bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan piawaian akademik. Dapatan audit dianalisis dan kelemahan ditambah baik di peringkat bahagian masing-masing untuk mengekalkan kawalan kualiti berterusan (**UiTMCM_3.4.1d**).

Pemantauan ke atas pelajar dilaksanakan melalui mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama BHEP, selain penilaian program melalui borang maklum balas dan borang penilaian aktiviti pelajar. Saluran digital seperti e-aduan (UiTM Shah Alam) dan e-Maklumbalas Pelanggan (eMP) (UiTMCM) turut digunakan untuk mengumpul maklum balas rasmi. Data dan aduan dianalisis untuk mengenal pasti isu, mengukur kepuasan dan merancang tindakan penambahbaikan (**UiTMCM_3.4.1e**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB04_TC01_20251_UiTMCM_3.4.1a_Mesyuarat BHEP.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC01_20252_UiTMCM_3.4.1b_Anugerah Bahagian Terbaik.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC01_20253_UiTMCM_3.4.1c_SOAL SELIDIK MODUL ADAB.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC01_20254_UiTMCM_3.4.1d_Pelan Audit Dalam.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB04_TC01_20255_UiTMCM_3.4.1e_eMP & eAduan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko 1: Kegagalan untuk mengambil tindakan lanjutan maklum balas pelanggan.

Punca risiko: Kegagalan untuk mengambil tindakan lanjutan maklum balas pelanggan merupakan satu risiko operasi yang signifikan dalam pengurusan program pelajar, khususnya melalui sistem e-MP UiTMCM (**UiTMCM_3.4.2a**). Tanpa mekanisme susulan yang sistematik dan berkesan, maklum balas yang diperoleh melalui borang penilaian program berisiko untuk tidak dimanfaatkan secara optimum bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

Tindakan pencegahan: Segala aduan dibincangkan di peringkat MKSP di bawah agenda Unit Korporat bagi memastikan segala isu aduan yang direkodkan selesai 100% di peringkat UiTMCM.

Risiko 2: Risiko ketidakupayaan mengukur tahap kepuasan dan impak program pembangunan pelajar.

Punca risiko: Sekiranya instrumen penilaian seperti *Teaching Effectiveness Self-Assessment* (TESA), *Teaching Effectiveness Index* (TEX), *Student Feedback Online* (SUFO), (**UiTMCM_3.4.2b**) dan Panduan Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) (**UiTMCM_3.4.2c**) tidak digunakan secara konsisten, tidak ditadbir dengan teliti, atau tidak dianalisis secara berkesan, ia akan menyebabkan data yang diperoleh tidak mencerminkan realiti sebenar. Keadaan ini menghalang pihak pengurusan daripada mengenal pasti kelemahan program dengan tepat, sekali gus menjejaskan usaha penambahbaikan berterusan, keberkesanan penggunaan sumber, serta pencapaian objektif pembangunan sahsiah dan kebolehpasaran graduan.

Tindakan pencegahan: Segala keputusan TESA, TEX, SUFO dan PRO-PENS dibincangkan dan dijadikan sebagai agenda mesyuarat di peringkat Mesyuarat Akademik, Mesyuarat Fakulti dan Jabatan agar segala ketidakpuasan pelanggan dapat diselesaikan dengan segera dan holistik.

RISIKO 3: Kekangan sumber seperti tenaga kerja, kewangan dan masa juga merupakan risiko yang boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan program pelajar di UiTM Cawangan Melaka.

Punca risiko: Kebergantungan kepada sumber manusia dan peruntukan kewangan yang terhad boleh membataskan pelaksanaan program berskala besar serta inisiatif pembangunan insaniah yang memerlukan pendekatan menyeluruh dan berterusan (**UiTMCM_3.4.2d**).

Tindakan pencegahan: memohon peningkatan Anggaran Belanja Mengurus di setiap PTJ UiTMCM bagi memastikan kelestarian pembangunan jatidiri dan keselesaan pelanggan tercapai.

Risiko 4: Kekangan masa akibat pertindihan berterusan komitmen tugas hakiki serta tugas sampingan.

Punca Risiko: Pensyarah terpaksa berhadapan dengan bebanan jam mengajar yang tinggi dan kerja kerja sampingan yang lain seperti persiapan 23 dokumen akademik dokumen IQA -04 serta tugas ad-hoc turut memberi kesan kepada pencapaian objektif program berterusan (**UiTMCM_3.4.2e**).

Tindakan pencegahan: Penglibatan staf sokongan dalam pengurusan sumber yang lebih efektif dan penggunaan teknologi secara optimum perlu diberi keutamaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB04_TC02_20251_UiTMCM_3.4.2a_eMP.pdf](#)

2. [K0062_T01_TB04_TC02_20252_UiTMCM_3.4.2b_TESA TEX SUFO PROPENS.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC02_20253_UiTMCM_3.4.2c_PROPENS.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC02_20254_UiTMCM_3.4.2d_Kewangan.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB04_TC02_20255_UiTMCM_3.4.2e_Kekangan MASA.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM sentiasa menitikberatkan inisiatif penambahbaikan secara berterusan. Antara strategi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan UiTMCM secara digital adalah seperti, saluran digital dalam menerima maklum balas dan aduan pelanggan yang digunakan oleh BHEP iaitu e-Aduan, e-Maklumbalas Pelanggan serta borang maklum balas melalui Google Form yang selalunya diedarkan selepas sesuatu program berlangsung. Selain itu juga, maklumbalas pelanggan turut dikumpulkan melalui kod QR yang disediakan di kaunter perkhidmatan unit-unit bawah BHEP bagi memastikan setiap pelanggan mudah dan selesa untuk menyampaikan maklum balas dan aduan (**UiTMCM_3.4.3a**).

Bagi memastikan kualiti dan keberkesanan penambahbaikan yang dilakukan, segala rekod dan maklum balas yang diterima oleh pelanggan di analisa dengan teliti. Pelaporan oleh Timbalan Rektor BHEP juga dilakukan secara berkala agar semua pihak maklum akan penambahbaikan yang diperlukan. Penambahbaikan dilaksanakan hasil dapatan dan pemantauan dari laporan mesyuarat berkala seperti Mesyuarat Pengurusan HEP, dokumen pelaporan, audit, dan input daripada para pelanggan UiTMCM (**UiTMCM_3.4.3b**).

Keberkesanan penambahbaikan berterusan dapat dilihat apabila UiTMCM telah memperolehi pencapaian yang cemerlang di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023 pada 30 Mei 2024 yang lalu anjuran Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan Pejabat Naib Canselor. Antara anugerah yang dimenangi adalah Anugerah 6 Bintang PTJ dan Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024 Pillar 3 & 4 (Turning Globally Respected Staf & Excellent Supporting Staf) (**UiTMCM_3.4.3c**). Selain itu, BHEP UiTMCM turut menerima pelbagai anugerah lain diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa, antaranya adalah anugerah Penghargaan Khas bagi kategori Bahagian Terbaik Pencapaian Prestasi 2024 di Majlis Sambutan Hari Inovasi, Anugerah Kolej & Non-Residen Terbaik: Tempat Kedua (Kolej Dang Anum), Anugerah Kepimpinan Pegawai Psikologi, dan Anugerah Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling Terbaik Kampus Negeri (UKK Pembimbing Pelapis Kaunselor) (Unit Kerjaya dan Kaunseling KAG) (**UiTMCM_3.4.3d**).

Pemantauan proses Pengajaran dan pembelajaran turut dibuat oleh UiTMCM secara konsisten agar penambahbaikan dapat dikekalkan pada paras yang optimum serta memenuhi jangkaan pelanggan. UiTMCM secara khusus melaksanakan penilaian secara berkala merangkumi aspek pengurusan unit dan pengurusan pelanggan bagi memastikan kualiti penyampaian dan perkhidmatan dapat ditingkatkan. Usaha ini membantu memperkasakan pembangunan pelajar melalui pelaporan, analisa dan pembentangan mesyuarat jabatan, bahagian dan unit-unit di UiTMCM dan memastikan kepuasan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan (**UiTMCM_3.4.3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB04_TC03_20251_UiTMCM_3.4.3a_eMP & eAduan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC03_20252_UiTMCM_3.4.3b_Minit Mesyuarat BHEP.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC03_20253_UiTMCM_3.4.3c_AKPU 2024.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC03_20254_UiTMCM_3.4.3d_SENARAI ANUGERAH YANG DITERIMA OLEH UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING DAN KOLEJ_edite \(1\).pdf](#)
5. [K0062_T01_TB04_TC03_20255_UiTMCM_3.4.3e_Kepuasan Pelanggan.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti memberikan faedah yang banyak kepada pelanggan-pelanggan UiTMCM. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh UiTMCM adalah Melaka International Intellectual Exposition (MIIEX 2024) dan International Jasin Multimedia & Computer Science Invention and Innovation Exhibition (i-JaMCSIIX) 2024 dalam memartabatkan penyelidikan dan inovasi di peringkat antarabangsa. Pendekatan ini diterjemahkan melalui pelbagai integrasi dan pencapaian signifikan oleh BHEP yang bukan sahaja memberi kesan langsung kepada kesejahteraan dan pembangunan pelajar, malah turut melonjakkan reputasi institusi di peringkat nasional **(UiTMCM_3.5a)**.

Sebagai teras utama dalam pembentukan karakter mahasiswa, Modul Adab UiTMCM (Buku Tazkirah Adab) merupakan pencapaian penting BHEP dalam memperkukuh pembangunan insaniah pelajar. Modul ini dirangka secara menyeluruh dengan pendekatan berasaskan nilai, spiritual, dan penghayatan budaya ilmu, menjadikan ia wahana berkesan dalam pembentukan jati diri mahasiswa. Inovasi Buku Tazkirah Adab ini bukan sekadar pengisian rohani, malah diintegrasikan ke dalam program pembangunan pelajar sebagai alat refleksi dan peningkatan sahsiah sendiri. Modul Adab UiTMCM ini juga telah berjaya dibudayakan dikalangan pelanggan UiTMCM menjadi elemen pengikat kepada pelbagai aktiviti pelajar, dari kepimpinan organisasi, kebajikan komuniti, hingga program bakti siswa, selari dengan prinsip **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa** yang diangkat sebagai budaya utama mahasiswa **(UiTMCM_3.5b)**.

Pencapaian BHEP UiTMCM turut diiktiraf melalui anugerah MOSAA 2024 dan anugerah di Majlis Sambutan Hari Inovasi UiTMCM, yang mengiktiraf kreativiti, keberkesanan serta keberhasilan inovasi yang melibatkan pelanggan. Penghargaan ini menjadi bukti bahawa pendekatan inovatif BHEP bukan sahaja praktikal dan relevan, malah diiktiraf sebagai contoh amalan terbaik dalam pembangunan pelajar di peringkat institusi dan kebangsaan. Pengiktirafan ini memberi motivasi berterusan untuk memperkasa budaya inovasi dalam pengurusan pelajar, seterusnya memastikan setiap intervensi, program dan polisi yang diperkenalkan sentiasa berpaksikan impak dan nilai tambah kepada mahasiswa **(UiTMCM_3.5c)**.

Pada tahun yang sama, UiTMCM turut menerima kunjungan penanda aras dari institusi luar, termasuk Universiti Melaka (UNIMEL), UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dan Unit Kualiti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) yang menunjukkan keyakinan institusi lain terhadap keupayaan, ketelusan dan keberkesanan sistem pengurusan pelajar yang dilaksanakan. Lawatan ini bukan sahaja memperkukuh jaringan kerjasama antara universiti, malah menjadi bukti bahawa amalan UiTMCM berpotensi untuk dijadikan model rujukan dan inspirasi kepada institusi lain **(UiTMCM_3.5d)**. Di peringkat antarabangsa pula, Persidangan Akademik International Conference of Communication, Media and Politics 2024 (ICCMP 2024) membuktikan ketampakan dan kredibiliti pelajar UiTMCM bersama pelajar antarabangsa dalam pembentangan kertas kerja dan perkongsian ilmu. **(UiTMCM_3.5e)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB05_20251_UiTMCM_3.5a_MIIEX_2024_&_i-JAMCSIIX_2024_edited.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB05_20252_UiTMCM_3.5b_Modul_Tazkirah_ADAB_edited.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB05_20253_UiTMCM_3.5c_Bahagian_Terbaik_\(Hari_Inovasi\)_edited.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB05_20254_UiTMCM_3.5d_Lawatan_Penanda_Aras_edited.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB05_20255_UiTMCM_3.5e_Persidangan_Akademik_2024_edited.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCM menekankan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa** dalam Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan yang bersistematik. **Model Adiwangsa UiTMCM 2024** digunakan untuk mencapai hala tuju UiTMCM ke arah kampus yang mempunyai Kebolehpasaran Global yang mampan.

Perancangan

Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Strategik UiTM 2025, keutamaan Pengurusan Kanan adalah untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang yang menjadi salah satu daripada 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Seiring dengan itu, Pelan Strategik (PS) UiTM 2025 dirangka dengan tema strategik antaranya:

1. Perkongsian pintar industri, komuniti & alumni.
2. Graduan seimbang & berciri keusahawanan.

Menyahut PS UiTM 2025, objektif strategik bagi Bidang Tumpuan (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P) adalah:

- OS1: Penambahbaikan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).
- OS2: Pembangunan pelajar melalui platform antarabangsa (Go-Global).
- OS3: Kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global.

Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan yang bersistematik dirancang melalui perbincangan di dalam Mesyuarat Perancangan Strategik. Pengurusan Kanan UiTMCM menetapkan pengukuran bagi pencapaian BT adalah berpandukan:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan BT.
2. Objektif kualiti UiTMCM
3. Maklum balas pelanggan (Kajian Kepuasan Pelanggan / Aduan / Audit)

Penetapan pengukuran ini mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti kerana Pengurusan Kanan UiTMCM menerapkan nilai Sinergibersama dan Sinergitrust. Tatacara pelaporan PI dimasukkan Pelan Tindakan Strategi UiTMCM sebagai inovasi 2024. Lawatan penanda aras perancangan strategik juga dilaksanakan bagi menambahbaik pengukuran serta strategi pencapaian PI.

Pelaksanaan

Data diperolehi dari unit/bahagian/fakulti melalui laporan program/aktiviti, laporan peperiksaan, laporan kajian pengesanan graduan, laporan kajian kepuasan pelanggan dan laporan audit. Data/laporan bagi pengukuran pencapaian BT dikumpul, dipantau dan dianalisa oleh setiap pegawai bertanggungjawab di peringkat unit, bahagian dan fakulti. Analisa yang digunakan adalah pencapaian sasaran, trend dan perbandingan antara fakulti/bahagian/kampus.

Pemantauan

Setiap laporan hasil analisis data dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan iaitu mesyuarat pengurusan unit/bahagian/fakulti/kampus, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Pelan tindakan strategik ditambahbaik bagi PI yang masih belum dicapai. Pelaporan di dalam mesyuarat ini juga menjadi mekanisme bagi membincangkan risiko, peluang tindakan pencegahan, masalah yang dihadapi, tindakan penambahbaikan dan hasil analisa keberkesanan penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi pengawalan risiko dan penambahbaikan berterusan.

Tindakan Penambahbaikan

Tindakan penambahbaikan yang efektif dan bersasar hanya dapat dilaksanakan berpandukan penilaian hasil analisis data. Pengurusan Kanan menekankan kepentingan tadbir urus dan pengurusan pengetahuan yang cekap melalui lawatan penanda aras ke UiTM Cawangan Sarawak. Ketelusan dan keterbukaan ini memperkukuh nilai Sinergitrust dan Sinergibersama di kalangan warga UiTMCM.

Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah mengusahakan perjawatan baru bagi Penolong Pegawai Perubatan, mewujudkan Jawatankuasa Pelarasan Unit-unit HEP UiTM, menambahbaik carta alir setiap unit HEP ke dokumen Prosedur Operasi. Tindakan proaktif dan inovatif dilaksanakan sebagai kawalan risiko seperti penjanaan pendapatan melalui hubungan dan sokongan yang kuat daripada alumni UiTMCM.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGUKURAN BAGI PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN

Perancangan strategik (PS) UiTMCM terhadap BT adalah berpandukan tiga (3) objektif strategik iaitu (**UiTMCM_4.2a**):

1. Penambahbaikan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).
2. Pembangunan pelajar melalui platform antarabangsa (Go-Global).
3. Kepimpinan pelajar berteraskan kompetensi global.

Pengukuran, Analisa & Pengurusan Pengetahuan yang bersistematik dirancang melalui perbincangan di dalam Mesyuarat Perancangan Strategik bersama semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti (**UiTMCM_4.2b**).

Strategic Action Plan (SAP) diterjemah melalui Pelan Tindakan Strategik UiTMCM. Perbincangan mengambil kira penilaian pencapaian petunjuk prestasi (PI) 2023, laporan pengurusan risiko, penambahbaikan/inovasi yang dibentangkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Tatacara pelaporan PI dimasukkan dalam Pelan Tindakan Strategik UiTMCM sebagai penambahbaikan 2024 (**UiTMCM_4.2c**). Lawatan penanda aras ke UiTM Cawangan Sarawak juga dilaksanakan untuk menambahbaik tadbir urus termasuk pengukuran bagi mencapai PI ditetapkan (**UiTMCM_4.2d**).

Pengukuran yang ditetapkan bagi mengukur pencapaian BT adalah (**UiTMCM_4.2e**):

1. PI yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan BT
2. Objektif kualiti UiTMCM
3. Maklum balas pelanggan

Terdapat 15 PI yang ditetapkan kepada UiTMCM berkaitan BT iaitu:

1. *PI27 Number of International SULAM's (Knowledge Transfer) programmes with industry/community collaboration in relation to service-learning activities that mapped to SDG's element.*
2. *PI28 Number of International Volunteerism programmes with industry collaboration that are funded by national, international and industry fund/grant in term of monetary or in-kind.*
3. *PI29 Number of leadership programmes.*
4. *PI30 Number of companies involved in career activities.*
5. *PI31 Number of international communication skill related programmes.*
6. *PI32 Number of students participated in international programme organised by partner university / industry/ institution.*
7. *PI33 Numbers of students involved in the e-sport industry.*
8. *PI34 Number of value-added programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges.*
9. *PI36 Number of students involved in creative industry programmes.*
10. *PI37 Number of students involved in invention and innovation activities.*
11. *PI38 Number of programme/modules related to patriotism & ESI-IDART initiatives.*
12. *PI39 Number of programmes related to emotional well-being.*
13. *PI128 Income generation from Kumpulan Wang Pengurusan.*
14. *PI129 Income generation from Kumpulan Wang Amanah.*
15. *PI135 Keceriaan Kampus project.*

Objektif kualiti UiTMCM berkaitan BT.

1. Sekurang-kurangnya 80% pelajar sepenuh masa bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Sekurang-kurangnya 20% pelajar sepenuh masa mendapat Anugerah Dekan.
3. Sekurang-kurangnya 20% pelajar sepenuh masa bergraduasi dalam tempoh pengajian dengan CGPA sekurang-kurangnya 3.50.
4. Sekurang-kurangnya 1% pelajar sepenuh masa mendapat Anugerah Naib Canselor.
5. Sekurang-kurangnya 30 aktiviti komuniti / pengantarabangsaan / keusahawanan.
6. Kadar kebolehpasaran siswazah melebihi 80% setiap tahun.

Maklum balas pelanggan:

1. Aduan berkaitan BT.
2. Dapatan dari audit.
3. Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan di UiTMCM
4. Tahap kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti berkaitan BT.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB02_20251_UiTMCM_4.2a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB02_20252_UiTMCM_4.2b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB02_20253_UiTMCM_4.2c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB02_20254_UiTMCM_4.2d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB02_20255_UiTMCM_4.2e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DATA, KAEDAH PENILAIAN, KEKERAPAN PENGUMPULAN DAN ANALISA DATA

Pemetaan pengukuran, data, kaedah analisa, kekerapan data dikumpul dan dianalisa disertakan di dalam lampiran (**UiTMCM_4.3a**). Secara umumnya, data-data berkaitan pengukuran pencapaian BT diperoleh daripada **dua (2) sumber utama iaitu data UiTM dan data UiTMCM. Data yang dikumpul bagi pelaporan adalah seperti di bawah: (UiTMCM_4.3b).**

1. Data pencapaian PI diperoleh daripada:

1.1. Laporan program/aktiviti berkaitan BT. Laporan ini **dikumpul dan dianalisa setiap bulan** oleh Unit Pentadbiran Am HEP. Laporan program yang mencapai PI dimuatnaik ke dalam sistem SmartHEP dan dimajukan kepada Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCM untuk diverifikasi oleh Rektor.

1.2. Laporan kewangan bendahari UiTMCM. Sasaran bagi pencapaian PI128 dan PI129 berkaitan penjana pendapatan dibahagikan mengikut fakulti. Wakil fakulti melaporkan hasil penjana kewangan kepada Pelapor PI Bendahari untuk dikemaskini dalam sistem FAIS dan dimajukan kepada PSTU UiTMCM untuk diverifikasi oleh Rektor. **Data dianalisa pada setiap bulan.**

2. Data objektif kualiti UiTM dianalisa oleh Pegawai Analisa Data pada setiap semester. Data yang dikumpulkan bagi pelaporan objektif kualiti adalah:

2.1 Laporan pencapaian peperiksaan dari sistem SIMS.

Laporan ini **dianalisa pada setiap semester** oleh Penolong Pendaftar HEA dan Pegawai Analisa Data.

2.2 Laporan program/aktiviti berkaitan BT.

Bilangan aktiviti komuniti / pengantarabangsaan / keusahawanan dilaporkan oleh wakil unit/bahagian/fakulti kepada Pegawai Analisa Data untuk **dianalisa dua kali setahun.**

2.3 Laporan Kajian Pengesanan Graduan/pencapaian kebolehpasaran graduan (BTU).

Data kebolehpasaran graduan dimohon daripada BTU melalui e-mel oleh Pegawai Analisa Data dan **dianalisa pada setiap semester.**

3. Data maklum balas pelanggan diperoleh daripada:

3.1 Laporan e-Aduan berkaitan BT.

Laporan ini disalurkan oleh UiTM Shah Alam kepada UiTMCM dan diuruskan oleh Unit Korporat. Setiap aduan berkaitan BT disalurkan kepada ketua unit/bahagian/fakulti yang terlibat. Status aduan **dianalisa setiap bulan** oleh Unit Korporat.

3.2 Laporan e-MP berkenaan BT.

Laporan e-Maklumbalas Pelanggan (e-MP) merupakan inovasi UiTMCM untuk menyediakan medium aduan di peringkat kampus. Maklumbalas ini juga dipantau dan **dianalisa** oleh Unit Korporat **pada setiap bulan.**

3.3 Laporan audit.

Audit dalam dilaksanakan pada setiap tahun manakala audit luar (iQMS) dilaksanakan dua (2) tahun sekali. Laporan audit **dianalisa setiap kali audit dilaksanakan** oleh Ketua Sistem Audit bagi memastikan pelaksanaan BT berada di tahap yang terbaik.

3.4 Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan UiTMCM.

Kajian kepuasan pelanggan UiTMCM dilaksanakan pada hujung tahun dan **dianalisa** oleh Pegawai Analisa Data. Kajian kepuasan pelanggan bagi unit/bahagian pula dianalisa setiap bulan. Selain itu, kajian TESA, PROPENS dan SuFO dianalisa setiap semester bagi memastikan sokongan pelajar dan pengajaran dan pembelajaran (pdp) di tahap yang cemerlang. Responden bagi kajian meliputi seluruh warga UiTMCM termasuk pelajar dan staf.

3.5 Laporan program/aktiviti berkaitan BT.

Tahap kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti berkaitan BT dianalisa oleh pelaksana program/aktiviti. Laporan ini dikumpul dan **dianalisa setiap bulan** oleh Unit Pentadbiran Am HEP.

Kaedah penilaian yang digunakan adalah:

1. Pencapaian sasaran yang ditetapkan (**UiTMCM_4.3c**)
2. Analisis tren (**UiTMCM_4.3d**)
3. Analisis perbandingan antara fakulti, bahagian, kampus dan cawangan (**UiTMCM_4.3e**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB03_20251_UiTMCM_4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB03_20252_UiTMCM_4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB03_20253_UiTMCM_4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB03_20254_UiTMCM_4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB03_20255_UiTMCM_4.3e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PERKONGSIAN HASIL ANALISIS DATA DAN PENGETAHUAN UNTUK KAJI SEMULA PENGURUSAN

Hasil analisa data dilaporkan di dalam mesyuarat dalaman yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan dan Ketua Fakulti/Bahagian/Unit (**UiTMCM_4.4.1a**). Pemantauan data bagi pengukuran pencapaian BT adalah seperti di bawah.

1. Pencapaian PI

Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) bertanggungjawab memastikan pelaporan berlaku dan semua pelapor PI cakna tatacara pelaporan ke UiTM induk kerana kepelbagaian sistem yang digunakan. Tatacara ini dimasukkan dalam Pelan Tindakan Strategi UiTMCM sebagai inovasi 2024 bagi memudahkan pengganti pelapor PI pada masa akan datang.

Laporan program BT disemak oleh Unit Pentadbiran AM HEP dan dimajukan kepada Pelapor PI setelah disahkan oleh ketua bahagian pada 10-25hb. Pelapor PI memuatnaik pencapaian PI BT ke dalam sistem SmartHEP dan FAIS pada 25-30hb. Pencapaian disemak oleh PSTU pada 9-11hb sebelum disahkan oleh Rektor pada 11-14hb setiap bulan. (**UiTMCM_4.4.1b**)

Pelan tindakan strategik ditambahbaik apabila terdapat PI yang belum dicapai. Perbincangan ini berlaku dalam MPHEP, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) di mana strategi untuk mencapai PI yang belum dicapai dibincangkan bersama semua pentadbir merentas fakulti, unit dan bahagian (**UiTMCM_4.4.1c**)

2. Objektif kualiti

Kebolehpasaran graduan (GE) adalah salah satu ukuran keberkesanan BT. Objektif kualiti dipantau melalui MKSP. Pencapaian GE pada tahun 2024 bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda adalah 91.3%, tidak mencapai sasaran 95% yang ditetapkan. Unit Kounseling dan Kerjaya mengambil inisiatif mengadakan program kerjaya seperti High Value Gig Digital Freelance Bootcamp dan Career Odyssey Melaka Fest @ Myfuturejobs 2024 bagi memberi peluang kepada pelajar menceburi bidang pekerjaan yang diminati (**UiTMCM_4.4.1d**)

3. Maklum balas pelanggan

3.1 Aduan dipantau oleh Unit Korporat UiTMCM. Aduan akan dimajukan kepada unit/bahagian/fakulti yang terlibat seterusnya disahkan oleh Rektor sebelum dimajukan kepada UiTM/pengadu. Hasil analisa aduan dibentangkan dalam MKSP.

3.2 Laporan audit dan kepuasan pelanggan dipantau oleh PK dalam Mesyuarat fakulti/bahagian dan MKSP. Status pelaksanaan dipantau dan disahkan dalam MKSP yang seterusnya.

3.3 Laporan maklum balas program dipantau oleh Unit Pentadbiran Am HEP. Isu yang timbul dibincangkan dalam Mesyuarat *Post-Mortem* dan dibawa ke MPHEP (**UiTMCM_4.4.1e**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB04_AC01_20251_UiTMCM_4.4.1a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan](#)

[Pengetahuan.pdf](#)

2. [K0062_A01_AB04_AC01_20252_UiTMCM_4.4.1b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

3. [K0062_A01_AB04_AC01_20253_UiTMCM_4.4.1c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4. [K0062_A01_AB04_AC01_20254_UiTMCM_4.4.1d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

5. [K0062_A01_AB04_AC01_20255_UiTMCM_4.4.1e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

RISIKO PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

Risiko dikenal pasti oleh Pengurusan Kanan UiTMCM, ketua-ketua fakulti/bahagian/unit, pelapor/pegawai yang bertanggungjawab melalui hasil pemantauan analisis data pencapaian PI, objektif kualiti dan maklum balas pelanggan. Risiko ini didaftarkan supaya tindakan pencegahan dan penambahbaikan dapat diurus dan dipantau dengan baik. Berikut adalah contoh pengurusan risiko operasi bagi BT (**UiTMCM_4.4.2a**)

Risiko operasi 1: Aduan pelajar tidak selesai kerana lokasi aduan tidak tepat

Pejabat pengurusan fasiliti telah mendaftarkan risiko operasi pengurusan aduan kerosakan yang tidak jelas daripada pengguna kerana keterangan dan lokasi tidak dipilih dengan betul. Ini berpunca daripada ketidakfahaman pengguna untuk mengisi e-Aduan. Kesan daripada kesilapan lokasi ini menyebabkan aduan dibatalkan dan tindakan tidak dapat diambil dengan cekap/lewat. Risiko ini dinilai sebagai tahap risiko tinggi dengan indeks risiko 8.

Tindakan pencegahan: Penerangan yang jelas berkenaan cara pengisian e-Aduan semasa taklimat bersama pelajar secara bersemuka (**UiTMCM_4.4.2b**)

Risiko operasi 2: Laporan kerosakan fasiliti sokongan BT tidak diambil tindakan

Kenderaan, auditorium, bilik kuliah dan makmal komputer adalah fasiliti penting bagi BT. Kerosakan fasiliti ini didaftarkan dalam eRMS dengan tahap risiko tinggi (indeks risiko 10) melalui dapatan audit dan maklum balas pelanggan yang dibentangkan dalam MKSP kerana boleh menyebabkan kemalangan kepada pelajar dan menjejaskan imej UiTMCM.

Tindakan pencegahan: Pemantauan/penyelenggaraan secara berkala. Permohonan bagi penyelenggaraan/penggantian kenderaan/perabot rosak dimajukan melalui Pejabat Naib Canselor (**UiTMCM_4.4.2c**)

Risiko operasi 3: Ubat-ubatan tidak mencukupi kerana analisa data keperluan ubat-ubatan tidak dilaporkan

Ketidakcukupan ubat-ubatan mewujudkan risiko operasi dan kesihatan kepada pelajar.

Tindakan pencegahan: Ketua Unit Kesihatan membentangkan analisa data penggunaan dan keperluan bajet bagi pembelian ubat-ubatan diperlukan dalam MPHEP (**UiTMCM_4.4.2d**)

Risiko operasi 4: PI tidak dapat dicapai kerana program dirancang tidak dapat dilaksanakan

Isu yang timbul dalam MPHEP, PI37 masih tidak dicapai pada 12 September 2024 dan memerlukan tindakan segera. Hanya 14 pelajar didaftarkan terlibat dengan aktiviti penciptaan dan inovasi berbanding sasaran 260 pelajar.

Tindakan pencegahan: Sokongan program dari fakulti dan Bahagian PJI melalui Melaka International Intellectual Exposition (MIIEEX 2024). PI37 tercapai dengan pencapaian 274 berbanding sasaran 260 pelajar terlibat dengan aktiviti penciptaan dan inovasi bagi tahun 2024 (**UiTMCM_4.4.2e**)

SENARAI BUNTI.

1. [K0062_A01_AB04_AC02_20251_UiTMCM_4.4.2a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC02_20252_UiTMCM_4.4.2b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC02_20253_UiTMCM_4.4.2c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB04_AC02_20254_UiTMCM_4.4.2d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB04_AC02_20255_UiTMCM_4.4.2e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN HASIL TINDAKAN PENCEGAHAN RISIKO

Pengurusan Kanan UiTMCM memantau pelaksanaan tindakan pencegahan/penambahbaikan bagi setiap risiko melalui laporan analisis data yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko Negeri (JPRN) (**UiTMCM_4.4.3a**). Tindakan susulan dilaksanakan setelah mengambil kira dapatan dari hasil analisis data dan dikongsikan kepada warga UiTMCM melalui Mesyuarat Staf Akademik (MSA) serta perjumpaan pelajar bersama TRHEP.

Risiko operasi: Laporan kerosakan fasiliti sokongan BT tidak diambil tindakan

Tindakan penambahbaikan: Pemantauan/penyelenggaraan secara berkala. Permohonan bagi penyelenggaraan/penggantian kenderaan/perabot rosak dimajukan melalui Pejabat Naib Canselor.

Data yang dianalisa: Data kerosakan fasiliti. Kebanyakan bas UiTMCM telah berusia 12-20 tahun. Terdapat juga bas yang berusia lebih dari 22 tahun. Data pemantauan auditorium, bilik kuliah dan makmal komputer juga dianalisa, dibentangkan dalam Mesyuarat JPRN dan status pemantauan dikongsikan kepada warga melalui MSA.

Tindakan susulan: Dokumen permohonan penyelenggaraan/penggantian fasiliti dipantau sehingga selesai. Projek penyelenggaraan/penggantian telah selesai menggunakan tabung antaranya Dana Pembangunan Infrastruktur (MRF) dan Tabung Amanah. Pencapaian ini dikongsikan semula kepada warga melalui MSA dan perjumpaan pelajar bersama TRHEP (**UiTMCM_4.4.3b**)

Risiko operasi: Ubat-ubatan tidak mencukupi kerana analisa data keperluan ubat-ubatan tidak dilaporkan

Tindakan penambahbaikan: Ketua Unit Kesihatan membentangkan analisa data penggunaan dan keperluan bajet bagi pembelian ubat-ubatan diperlukan dalam MPHEP.

Data yang dianalisa: Bilangan dan peruntukan ubat yang diperlukan untuk pelajar setiap semester.

Tindakan susulan: Hasil analisis data menunjukkan sepanjang September hingga Disember 2023, seramai 4,747 pelajar diuruskan oleh UK dan sebanyak 3,584 botol ubat batuk diberikan kepada pelajar untuk satu semester. Oleh itu, anggaran keperluan peruntukan bagi pembelian ubat batuk sahaja adalah RM23,793 setahun, tidak termasuk peruntukan bagi pembelian 73 jenis ubat-ubatan yang lain (**UiTMCM_4.4.3c**). Ketua UK membangkitkan ketidakcukupan peruntukan dalaman sebanyak RM50,000 yang diluluskan. Tindakan susulan yang diambil adalah permohonan peruntukan sebanyak RM150,000 dari Tabung Amanah Pusat Kesihatan Shah Alam. Permohonan ini diluluskan dan pembelian diuruskan melalui peruntukan tambahan Tabung Amanah Pusat Kesihatan mengikut kampus. Pengurusan Kanan UiTMCM juga telah meluluskan pembelian ubat-ubatan sebanyak RM120,000 yang mencukupi bagi menampung kos sebenar pembelian ubat sebanyak RM89,000 (**UiTMCM_4.4.3d**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB04_AC03_20251_UiTMCM_4.4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC03_20252_UiTMCM_4.4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan](#)

[K0062_A01_AB04_AC03_20253_UiTMCM_4.4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

3. [K0062_A01_AB04_AC03_20253_UiTMCM_4.4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4. [K0062_A01_AB04_AC03_20254_UiTMCM_4.4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PEMBUDAYAAN DARI TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN BT

Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan hasil pengurusan pengetahuan dalam BT telah mewujudkan pembudayaan positif seperti berikut:

1. Pembudayaan nilai positif kepada warga UiTMCM

Pengurusan Kanan UiTMCM menerapkan nilai sinergibersama dan sinergitrust kepada warga UiTMCM. Nilai positif diterapkan melalui Amanat Khas Rektor, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, Mesyuarat Pengurusan dan perjumpaan bersama pelajar.

Nilai positif ini meningkatkan kepercayaan antara pelajar dan staf. Hasil analisis data menunjukkan kes pelajar psikiatri di Kampus Alor Gajah (KAG) tertinggi dalam seluruh sistem UiTM. Ini disumbang oleh bilangan janjitemu semula yang menunjukkan komitmen staf, tahap kepercayaan yang tinggi oleh pelajar bagi intervensi yang diusahakan oleh Unit Kesihatan. Trauma memerlukan masa yang lama untuk sembuh. Purata sesi bersama pelajar psikiatri adalah 1-2 jam yang menghadkan penglibatan staf UK menghadiri program di UiTMCM. PK mengambil serius keperluan ini dan mengusahakan perjawatan baru bagi Penolong Pegawai Perubatan dan ahli psikologi/jurulatih terlatih psikologi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri (JKSMN) (**UiTMCM_4.5a**).

2. Tadbir urus yang cemerlang berasaskan pengurusan maklumat dan prosedur kerja yang cekap.

Tadbir urus BT ditambahbaik melalui lawatan penanda aras ke UiTM Cawangan Sarawak dan mewujudkan Jawatankuasa Pelarasan setiap unit supaya laporan dapat disediakan dan dilaporkan dengan lebih baik (**UiTMCM_4.5b**). Selain itu, setiap unit juga menyediakan manual prosedur kerja sebagai penambahbaikan carta alir yang sedia ada (**UiTMCM_4.5c**). Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) diwujudkan bagi memastikan pengurusan data dan pelaporan difahami dengan jelas oleh semua pemimpin pelajar (**UiTMCM_4.5d**).

3. Pengurusan kewangan yang efisien berasaskan analisis data.

Tabung Kegiatan Pelajar digunakan secara bersekali bagi mengatasi masalah peruntukan program BT yang tidak mencukupi mengikut kampus. Pengurusan Kanan UiTMCM juga menyusun strategi untuk penjana pendapatan melalui bengkel penjana pendapatan. Selain itu, UiTMCM menerima sokongan yang kuat daripada alumni melalui Malam Gala 25 Tahun UiTM yang menghimpunkan alumni pelbagai bidang sempena ulang tahun penubuhan UiTM serta Majlis TULUS 2.0 bagi mengumpul dana kebajikan pelajar UiTMCM melalui jaringan alumni. Sumbangan disalurkan melalui pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk membantu dan meningkatkan kebajikan warga UiTMCM. Sebuah skrin LED mega disumbangkan oleh alumni untuk kegunaan warga UiTMCM di Dewan Taming Sari. (**UiTMCM_4.5e**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB05_20251_UiTMCM_4.5a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB05_20252_UiTMCM_4.5b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB05_20253_UiTMCM_4.5c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4. [K0062_A01_AB05_20254_UiTMCM_4.5d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB05_20255_UiTMCM_4.5e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

UiTMCM mengadaptasi pendekatan pengurusan sumber manusia yang holistik, responsif dan strategik bagi menyokong bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Pendekatan ini digerakkan melalui penglibatan menyeluruh staf akademik dan pentadbiran berteraskan nilai Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa. Perancangan dimulakan dengan penstrukturan semula organisasi Unit-Unit BHEP 2024 yang menyelaraskan peranan berdasarkan kepakaran staf. Seramai 1008 staf termasuk 561 staf akademik dan 447 staf pentadbiran digembleng bagi menjayakan misi Mahasiswa Adiwangsa. Pelantikan penasihat dan penyelararas dilakukan secara rasmi berpandukan integriti dan peranan strategik mereka sebagai pembimbing pelajar. Perancangan turut melibatkan penguatkuasaan latihan minimum 42 jam setahun serta pemantauan pematuhan secara berkala bagi meningkatkan kompetensi staf.

Pelaksanaan

Pelaksanaan memanfaatkan tenaga kerja berkepakaran tinggi yang memiliki pensijilan profesional seperti CIMA, ACCA, Adobe Certified dan pengalaman industri. Lebih 80 staf berperanan sebagai Pakar Keusahawanan dalam program Tunas Mekar, V-MIIEEX 2024 dan High Value Gig Digital Freelance Bootcamp (e-USahawan MDEC). Penglibatan mereka dalam program CSR, SULAM, MOSAA dan projek antarabangsa seperti S4S dan MIIEEx memperluas keterlibatan pelajar secara global. Penilaian prestasi melalui HR2U dan MyATP memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas serta penjajaran kepada KPI institusi. Sinergibersama diperkukuh melalui kolaborasi antara unit seperti Kolej Kediaman, unit Kaunseling, unit Kesihatan dan unit Kokurikulum.

Pemantauan

Pemantauan tahap kepuasan sumber manusia di UiTMCM dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti sistem e-aduan, borang maklum balas, laporan audit dan mesyuarat pengurusan. Laporan berkala seperti Audit Dalam 2024 dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) digunakan bagi menilai dan menambah baik sistem kerja serta tugas staf. Laporan Audit Dalam 2024 menjadi asas untuk mengenal pasti keperluan latihan dan kesejahteraan staf. Skor kepuasan staf dan pelajar yang tinggi (75–85%) menunjukkan tahap penerimaan terhadap sistem kerja sedia ada. Walau bagaimanapun, isu seperti beban tugas berganda dan pertindihan jadual dikenalpasti dan ditangani secara proaktif oleh pengurusan.

Tindakan Penambahbaikan

Tindakan penambahbaikan dilaksanakan merangkumi pemantapan budaya kerja berpasukan dan latihan silang fungsi antara unit. Pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khas Rektor, Anugerah Bestari melalui sambutan Majlis Hari Inovasi (MSHI) menyemarakkan motivasi staf. Penglibatan strategik staf, pelajar dan alumni telah mewujudkan ekosistem pembangunan pelajar yang lestari dan berimpak tinggi, sekaligus menyokong misi universiti dalam melahirkan Mahasiswa Adiwangsa. Pengurusan UiTMCM turut menambah baik ruang kerja dan kemudahan fizikal berdasarkan maklum balas staf. Pendekatan ini berjaya membina budaya kerja yang kondusif, inovatif dan inklusif.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA UiTMCM DALAM MEMACU SINERGIBERSAMA & SINERGITRUST: BINA MAHASISWA ADIWANGSA

UiTMCM mengadaptasi pendekatan holistik dalam pengurusan sumber manusia bagi menjayakan bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Pendekatan ini melibatkan pelbagai kaedah pengurusan, penghargaan dan pengiktirafan kepada staf.

KAEDAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Penglibatan dan Penyelarasan Unit:

UiTMCM dengan 1008 staf (561 akademik, 447 pentadbiran) dengan 141 orang berkelayakan PhD memaksimumkan potensi melalui penyusunan Organisasi Unit-Unit BHEP 2024 (UiTMCM_5.2a) yang menekankan sinergi antara pentadbir, penasihat kelab dan pelajar.

Latihan dan Pembangunan Profesional:

Pelantikan penasihat diperakukan secara rasmi dengan penekanan kepada integriti. Latihan berstruktur seperti Bengkel TOT ADAB IKHWAN, pengenalan kepada Akta 174 dan Tatatertib Pelajar serta siri Latihan Staf 2024 dilaksanakan. Sebanyak 120 orang staf menyertai Kursus Pengukuhan Staf di ILD pada 11-13 September 2024. UiTMCM turut menetapkan syarat minimum 42 jam latihan setahun. Notis peringatan dihantar bagi memastikan pematuhan syarat ini. Pencapaian 2024 mencatatkan 92.42%, menunjukkan komitmen staf dalam pembangunan diri.

Staf juga memiliki kelayakan profesional seperti C.A.(M), CIMA dan ACCA dan pengalaman industri memperkayakan pendekatan pengajaran, bimbingan dan pengurusan pelajar dengan nilai sebenar dunia pekerjaan serta keperluan pasaran.

Seramai lebih 80 staf menjadi Pakar Keusahawanan berdasarkan penglibatan mereka dalam program seperti Tunas Mekar, SME Internship, V-MIEX dan program e-Usahawan MDEC. Mereka memiliki pensijilan profesional seperti Adobe Certified Professional, Certified Entrepreneurial Educator (3EP) dan pelbagai pensijilan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan *Human Resources Development Fund* (HRDF). Kepakaran ini bukan sahaja memperkaya pendekatan pengajaran dan bimbingan pelajar, tetapi juga menyediakan ekosistem keusahawanan dalaman yang kondusif kepada pembangunan Mahasiswa Adiwangsa (UiTMCM_5.2b) .

Penilaian Pencapaian Staf:

Key Performance Indicator (KPI) staf dinilai melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dalam sistem HR2U (pentadbiran) dan MyATP (akademik), dipantau oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Ketua Bahagian untuk memastikan prestasi staf berada pada tahap terbaik. Contohnya e-mel peringatan dihantar oleh Timbalan Rektor PJI kepada staf akademik berkaitan KPI penerbitan pensyarah.

Sinergibersama dizahirkan melalui pelaksanaan program seperti Projek SULAM, Program CSR Padang dan MOSAA 2024 yang melibatkan pelbagai unit. Keterlibatan lintas unit ini memastikan pembangunan pelajar digerakkan oleh tenaga kerja yang seragam dan saling mempercayai (UiTMCM_5.2c) .

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA SUMBER MANUSIA

Staf yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan pelajar diberi pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khas Rektor, Anugerah Bestari. Pada 2024, 82 staf telah menerima APC dan 50 orang dinaikkan pangkat (34 akademik, 16 pentadbiran) (**UiTMCM_5.2d**) .

Majlis Sambutan Hari Inovasi (MSHI) 2024:

UiTMCM mengadakan MSHI 2024 untuk memberikan penghargaan kepada staf yang telah menyumbang dalam kejayaan UiTMCM. Antara anugerah dan penghargaan yang diberikan adalah Pasukan Juruaudit Dalam, Pasukan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC), Pasukan KIK dan OE, Jawatankuasa/ Area Heads SRR, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023, Anugerah Bestari 2024 serta Anugerah dan Penghargaan Khas Rektor 2024. MSHI 2024 juga merupakan kaedah UiTMCM menghargai sumbangan staf dalam memajukan PI kampus (**UiTMCM_5.2e**) . Staf yang terlibat dalam program Pengurusan dan Pembangunan pelajar turut diberi pengiktirafan untuk meningkatkan motivasi staf atas peningkatan yang signifikan dalam pencapaian PI kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB02_20251_UiTMCM_5.2a_tumpuan kepada sumber manusia .docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB02_20252_UiTMCM_5.2b_tumpuan kepada sumber manusia .docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB02_20253_UiTMCM_5.2c_tumpuan kepada sumber manusia .docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB02_20254_UiTMCM_5.2d_tumpuan kepada sumber manusia .docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB02_20255_UiTMCM_5.2e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UiTMCM mengoptimumkan sumber manusia melalui strategi penempatan kepakaran, pelantikan berfokus serta pemeraksanaan berterusan untuk menjayakan misi pembangunan pelajar. Staf disusun mengikut kepakaran termasuk yang mempunyai kelayakan profesional, pengalaman industri serta kepakaran keusahawanan. Ini sekaligus dapat memenuhi pencapaian PI088, PI085 dan PI024. Contohnya, staf yang berpengalaman dalam pengendalian seni budaya dilantik sebagai ketua projek bagi program Unit Kebudayaan KBM dan projek CSR Padang Indonesia. Selain itu, staf Unit Kesihatan terlibat secara langsung dalam program advokasi pelajar melalui Unit Kesihatan KBM 2024 manakala staf kolej dan bimbingan pelajar menggerakkan inisiatif sokongan kebajikan seperti Dapur HEP, Siswacare@KBM dan Inkubator Keusahawanan Kolej Kediaman **(UiTMCM_5.3a)**

Pelantikan penasihat kelab pelajar dan penyelaras BHEP di setiap fakulti membolehkan pelajar menerima bimbingan berstruktur dan berterusan. Bagi memastikan kepakaran staf diselaraskan dengan keperluan semasa, latihan berterusan dijalankan, bengkel berkaitan Akta 174 dan tatatertib pelajar serta pendedahan antarabangsa melalui Program Pengantarabangsaan S4S di Bangkok, Thailand. Penyertaan staf dalam program antarabangsa melalui MoU/MoA aktif (PI084) turut memperkukuh kredibiliti dan pendedahan global mereka **(UiTMCM_5.3b)**. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan tahap profesionalisme staf tetapi memperkukuh keyakinan institusi dalam memberi kepercayaan kepada mereka mewakili UiTM di peringkat global.

Penglibatan staf dalam aktiviti pelajar juga dimantapkan melalui sistem e-Merit dan penilaian berdasarkan Borang LAP(FA/2) yang mendorong budaya kerja berasaskan prestasi. Keupayaan staf dalam pelaksanaan aktiviti turut direkod dalam Minit Mesyuarat Pengurusan HEP. Keupayaan penyelidikan staf juga dipertingkatkan melalui penglibatan aktif dalam penerbitan bersama kolaborator antarabangsa (PI055) dan penerbitan berimpak tinggi (PI051), menjadikan mereka bukan sekadar pemudah cara pelajar, malah pemimpin pemikiran di peringkat institusi dan antarabangsa **(UiTMCM_5.3c)**.

Keterlibatan staf dalam perjumpaan strategik seperti Sesi Perjumpaan Bersama Agensi Luar, LAMAN Komuniti Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar (URHP) KAG serta aktiviti antara kampus seperti MOSAA 2024 di UiTM Sarawak turut menjadi saluran pengembangan kompetensi mereka. Kepelbagaian saluran ini membolehkan staf menyesuaikan peranan mereka dalam konteks yang lebih luas sekaligus menyokong kelestarian pembangunan pelajar secara holistik **(UiTMCM_5.3d)**.

Bagi memperluas amalan perkongsian ilmu, pelbagai program disampaikan oleh staf melalui platform seperti bengkel inovasi, serta kerjasama antarabangsa menerusi SULAM dan MIIEEx. Pelajar diperkasa melalui penyertaan dalam projek antarabangsa seperti Projek Students For Society (S4S) melibatkan Chulalongkorn University dan juga Program International Mobility dan SULAM Antarabangsa UNAIR Indonesia. Penglibatan staf akademik dalam program ADAB-ERAT serta pembinaan sistem e-merit turut menyumbang kepada keunikan dan keunggulan pelajar **(UiTMCM_5.3e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB03_20251_UiTMCM_5.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia_edited.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB03_20252_UiTMCM_5.3b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB03_20253_UiTMCM_5.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB03_20254_UiTMCM_5.3d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB03_20255_UiTMCM_5.3e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan tahap kepuasan staf dilaksanakan melalui kaedah sistematik seperti sistem e-aduan, maklum balas pelanggan Pejabat Pengurusan Sumber Manusia, laporan kajian kepuasan hati serta perbincangan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan mesyuarat ketua unit. MKSP merupakan platform utama pelaksanaan tindakan susulan dan penambahbaikan (**UiTMCM_5.4.1a**).

Borang maklum balas tahap kepuasan hati pelanggan digunakan untuk mengukur tahap kepuasan hati staf. Jawatankuasa Pengumpulan Data ditugaskan untuk merekod dan menilai aduan serta maklum balas secara konsisten bagi memastikan semua maklum balas diberi perhatian dalam MKSP untuk penambahbaikan. Kaedah pemantauan kompetensi staf turut dilaksanakan melalui Borang Penilaian Aktiviti Pelajar serta laporan e-Merit (**UiTMCM_5.4.1b**).

UiTMCM juga melaksanakan pemantauan dalaman melalui mesyuarat sukuan unit dan bahagian. Misalnya, analisa maklum balas pelajar daripada pelbagai program seperti Program SULAM HEP dan Latihan Penasihat Pelajar menunjukkan bahawa tahap kepuasan terhadap staf BHEP berada pada tahap memuaskan (75–85%) namun terdapat teguran berkaitan isu beban kerja, jadual yang bertindih dan kurangnya pemantauan bagi aktiviti pelajar yang kompleks (**UiTMCM_5.4.1c**). Hasil maklum balas ini dibawa ke Mesyuarat Pengurusan HEP Bil. 1/2024 dan tindakan telah diambil termasuk pengurangan portfolio berganda serta pelantikan jawatankuasa kecil bagi pengagihan tugas. Staf UiTMCM turut dipantau melalui laporan Audit Dalam 2024. Hasil pemantauan telah mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan di beberapa unit. Contohnya di Bahagian Infostruktur KJM, tiada perancangan latihan yang spesifik dan tersusun mengikut peranan teknikal staf walaupun semua staf mencapai 42 jam latihan setahun. Situasi ini berlaku akibat kekangan bajet serta kekangan operasi harian yang menyukarkan penyertaan staf dalam latihan luar. Pihak pengurusan telah membuat perancangan untuk pembangunan latihan lebih terarah bagi memastikan kompetensi staf teknikal dapat dipertingkatkan selari dengan keperluan sokongan kepada program akademik dan pembangunan pelajar (**UiTMCM_5.4.1d**). Melalui hasil pemantauan ini juga menunjukkan bahawa persekitaran kerja di UiTMCM berada pada tahap memuaskan, dibuktikan dengan pencapaian 100% PI bagi tiga tahun berturut-turut oleh staf BHEP. Ini memperkukuhkan lagi peranan penting sistem pemantauan yang inklusif dalam membina budaya kerja yang sihat, responsif dan menyokong kesejahteraan sumber manusia (**UiTMCM_5.4.1e**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB04_SC01_20251_UiTMCM_5.4.1a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC01_20252_UiTMCM_5.4.1b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC01_20253_UiTMCM_5.4.1c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB04_SC01_20254_UiTMCM_5.4.1d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB04_SC01_20255_UiTMCM_5.4.1e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko utama yang dikenal pasti adalah:

Risiko 1: Kekurangan doktor dan pembantu perubatan di Unit Kesihatan menyebabkan perkhidmatan kesihatan tidak memenuhi keperluan pelajar.

- **Punca Risiko:** Nisbah staf kesihatan tidak mengikut norma yang ditetapkan.
- **Tindakan pencegahan:** Isu ini telah dibentangkan dalam MPHEP 5/2024. Cadangan penambahan staf kesihatan telah dikemukakan untuk memastikan kesejahteraan pelajar dan staf dijaga serta mematuhi norma perkhidmatan yang ditetapkan (**UiTMCM_5.4.2a**).

Risiko 2: Risiko keselamatan kepada staf dan pelajar akibat kelemahan kawalan ke atas bilik CCTV yang tidak dinaik taraf.

- **Punca Risiko:** Tiada penambahbaikan terhadap bilik kawalan CCTV walaupun isu ini telah diajukan dalam Audit Dalam 2023.
- **Tindakan pencegahan:** Pelaksanaan kerja naik taraf segera terhadap bilik kawalan, dan penyusunan semula keutamaan peruntukan untuk kerja fizikal yang melibatkan keselamatan staf dan pelajar. Isu ini telah diberi perhatian dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MPHEP (**UiTMCM_5.4.2b**).

Risiko 3: Kekurangan kecekapan staf teknikal dalam menyokong persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk pelajar.

- **Punca Risiko:** Staf sokongan seperti pembantu jurutera menerima latihan bukan khusus kepada bidang kerja mereka. Sijil profesional yang diluluskan tidak disertai dengan peruntukan pembiayaan yang boleh menjejaskan motivasi staf untuk meningkatkan kompetensi.
- **Tindakan pencegahan:** Menyusun semula Pelan Latihan Tahunan menekankan latihan khusus mengikut bidang tugas termasuk pensijilan profesional yang disokong penuh dengan peruntukan kewangan. Memastikan latihan staf berkait langsung dengan sokongan terhadap keperluan pelajar (**UiTMCM_5.4.2c**).

Risiko 4: Risiko terhadap kelangsungan operasi fasiliti dan penyampaian perkhidmatan sokongan disebabkan kekurangan staf bukan akademik.

- **Punca Risiko:** Perpindahan Penolong Jurutera dari KBM ke KJM telah menyebabkan kekosongan jawatan yang belum diisi. BPF turut menghadapi kekurangan Penolong Jurutera dan Kerani Fasiliti.
- **Tindakan pencegahan:** Permohonan pengisian kekosongan jawatan dikemukakan kepada BPSM serta dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (**UiTMCM_5.4.2d**)

Risiko 5: Risiko keselamatan data e-Merit.

- **Punca Risiko:** Staf menjalankan pendaftaran lewat selepas aktiviti dijalankan.
- **Tindakan pencegahan:** Penambahbaikan keselamatan data e-merit dengan membenarkan pelajar mendaftar dalam tempoh 48 jam sahaja selepas aktiviti selesai dijalankan melalui sistem. Selepas dari tempoh itu, paparan QR kod dan pautan akan hilang secara automatik

bagi mengelakkan elemen ketidakjujuran. (UiTMCM_5.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC02_20251_UiTMCM_5.4.2a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx \(1\).pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC02_20252_UiTMCM_5.4.2b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC02_20253_UiTMCM_5.4.2c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB04_SC02_20254_UiTMCM_5.4.2d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB04_SC02_20255_UiTMCM_5.4.2e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

TINDAKAN BAGI MEMASTIKAN PERSEKITARAN KERJA DAN SISTEM KERJA YANG KONDUSIF

UiTMCM sentiasa berusaha mempertingkatkan sistem kerja dan persekitaran operasi menerusi proses kaji semula serta pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang sistematik.

MKSP, Mesyuarat Ketua Unit BHEP dan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) berperanan mengenalpasti isu berkaitan staf berdasarkan maklum balas dan prestasi perkhidmatan. Hasil maklum balas dan dapatan mesyuarat menjadi asas kepada pelaksanaan tindakan penambahbaikan dari segi pengurusan beban kerja, pelantikan staf tambahan, serta penyusunan semula struktur tugas. Misalnya, UiTMCM telah melaksanakan penambahbaikan seperti pemantapan sistem pelaporan aktiviti melalui penggunaan digital Borang LAP dan e-Merit bagi mengurangkan tugas manual, penyusunan semula jadual aktiviti & penggiliran staf penasihat untuk mengelakkan pertindihan tugas dan penambahan latihan bertemakan nilai dan etika seperti Bengkel TOT ADAB IKHWAN untuk memperkukuh budaya kerja berasaskan integriti (**UiTMCM_5.4.3a**).

Maklum balas staf turut dikumpul melalui sesi townhall dalaman dan mesyuarat staf seperti mesyuarat akademik bagi mengambil tindakan segera (**UiTMCM_5.4.3b**).

Maklum balas berkenaan kekangan staf dalam mengendalikan program berskala besar telah membawa kepada pelantikan tambahan penasihat kelab, fasilitator dan penyelarass BHEP fakulti. Ini bagi mewujudkan agihan tugas lebih seimbang dan berkesan. Bagi meningkatkan kecekapan sistem kerja, UiTMCM menggalakkan penggunaan pendekatan digital melalui sistem e-Merit, HR2U dan platform aduan dalam talian. Transformasi digital ini dapat meminimumkan beban kerja manual serta membolehkan staf menumpukan kepada peranan dalam pembangunan pelajar. Keperluan latihan staf turut dianalisis untuk mengenal pasti jurang kompetensi. Bengkel dan latihan profesional disesuaikan dengan maklum balas staf dan keperluan semasa. Staf yang gagal memenuhi jam latihan diberikan peringatan keperluan memenuhi 42 jam latihan setahun (**UiTMCM_5.4.3c**).

Maklum balas staf juga diambil kira dalam penambahbaikan kemudahan fizikal dan persekitaran kerja. Contohnya, penambahbaikan fasiliti ruang kerja, penyediaan tempat rehat mesra staf serta pengurusan ruang aktiviti pelajar dilaksanakan berdasarkan aduan dan saranan staf BHEP (**UiTMCM_5.4.3d**).

Kejayaan Kumpulan C-Lite UiTMCM dalam Konvensyen KIK Peringkat UiTM 2024 telah membuktikan amalan inovasi dan penambahbaikan berterusan berjaya dibudayakan secara menyeluruh di peringkat staf dan menyumbang kepada kualiti pengurusan pelajar (**UiTMCM_5.4.3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC03_20251_UiTMCM_5.4.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC03_20252_UiTMCM_5.4.3b-Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC03_20253_UiTMCM_5.4.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB04_SC03_20254_UiTMCM_5.4.3d_Tumpuan Kepada Sumber](#)

.....

5. [K0062_S01_SB04_SC03_20255_UiTMCM_5.4.3e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan sumber manusia telah melahirkan budaya kerja yang lebih responsif, kolaboratif dan berfokus kepada kemenjadian pelajar. Transformasi budaya kerja ini dapat dilihat melalui pengukuhan nilai Sinergibersama dalam kalangan staf pelaksana, penasihat, penyelaras dan tenaga pentadbiran BHEP yang berperanan secara langsung dalam pembangunan Mahasiswa Adiwangsa.

Pembudayaan ini dibentuk melalui pelaksanaan program berimpak tinggi yang diketuai oleh staf berkemahiran tinggi seperti program APB International Mobility dan SULAM Antarabangsa, program GROW dengan kerjasama Kementerian Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) dan program khidmat masyarakat pengantarabangsaan bersama Universitas Negeri Padang (UNP). Kejayaan program-program ini mendorong kepada peningkatan penglibatan staf merentas unit dan fakulti, mewujudkan keseragaman dalam amalan pembangunan pelajar **(UiTMCM_5.5a)**.

Budaya pengiktirafan staf turut mendorong integrasi positif dalam organisasi. Anugerah Penghargaan Khas 2024, penglibatan staf dalam program antarabangsa seperti S4S dan International Community Service Financial Management Training for Orphanage Administration in Al Washliyah dan Program Pertukaran Kepakaran Pensyarah Bahasa Inggeris antara Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTMCM dan Sekolah Vokasi, Universitas Gadjah Mada (UGM) telah menyemai rasa bangga dan keterlibatan aktif di kalangan staf. Ini sekaligus memperkukuh prinsip Sinergitrust di mana staf diberi kepercayaan penuh untuk mengetuai atau menyumbang kepada program yang memberi impak langsung kepada pelajar **(UiTMCM_5.5b)**.

Budaya penambahbaikan berterusan berjaya diintegrasikan melalui sesi TOT ADAB IKHWAN dan Perjumpaan Bersama Agensi Luar yang bukan sahaja memperluas jaringan profesional staf tetapi turut membuka ruang kepada perkongsian ilmu dan amalan terbaik Pengukuhkan pembudayaan semangat patriotisme dan integrasi antara staf dan pelajar dibuat melalui aktiviti kreatif dan kolaboratif. Contohnya Program Merdeka Cara Kita yang melibatkan staf dari pelbagai bahagian telah menyemai semangat kebersamaan dan semangat cintakan negara selari dengan prinsip Sinergibersama **(UiTMCM_5.5c)**.

Kesan tindakan penambahbaikan juga dapat dilihat dalam pengukuhan kesejahteraan staf dan pelajar. UiTMCM secara aktif menjalankan program pembangunan sendiri seperti Tekad Empati Sejahtera Insani sempena Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat UiTMCM yang merangkumi aspek keseimbangan mental, emosi dan jasmani. Selain itu, kesejahteraan holistik diberi perhatian melalui Program Webinar How to Spot and Avoid Employment Fraud yang melibatkan staf dan pelajar mencerminkan komitmen interdisiplin UiTMCM dalam memperkukuh literasi keselamatan kerjaya dan integriti sosial melalui kolaborasi dengan PDRM dan RIG UiTMCM **(UiTMCM_5.5d)**.

Amalan penghargaan kepada tenaga kerja melalui Anugerah Khas Rektor seperti Anugerah Projek komuniti menerima penajaan luar tertinggi, Program Kepimpinan Pelajar Terbaik dan Program Pembangunan Pelajar Terbaik telah menyemai budaya motivasi dan penghormatan terhadap sumbangan staf. Ini menyumbang kepada peningkatan komitmen dan rasa tanggungjawab dalam menjayakan misi pembangunan pelajar **(UiTMCM_5.5e)**.

Sebagai impaknya, budaya kerja UiTMCM kini didasari oleh nilai integriti, akauntabiliti, kesukarelawanan dan inovasi. Penjanaan budaya ini bukan sahaja menambah nilai kepada pelajar tetapi turut memperkukuh imej institusi sebagai peneraju pembangunan mahasiswa unggul. UiTMCM kini dikenali bukan sekadar sebagai pusat akademik tetapi sebagai ekosistem pembangunan insan yang cemerlang visi untuk melahirkan **Mahasiswa Adiwangsa**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB05_20251_UiTMCM_5.5a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB05_20252_UiTMCM_5.5b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB05_20253_UiTMCM_5.5c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB05_20254_UiTMCM_5.5d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB05_20255_UiTMCM_5.5e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) menekankan pembangunan pelajar berteraskan tema **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa** yang merangkumi nilai sahsiah, kepimpinan, kemahiran insaniah, serta penglibatan dalam komuniti. Program seperti SULAM Antarabangsa, Program CSR Padang dan Student For Society (S4S) Pengantarabangsaan ASEAN iaitu ke Chulalongkorn University Thailand dirancang secara sistematik melalui penyediaan kertas kerja lengkap dengan objektif, bajet dan logistik, serta proses kelulusan oleh jawatankuasa berkaitan. Inisiatif kebajikan seperti Food Bank 'The Pantry', Dapur HEP dan TULUS 2.0 dilaksanakan bagi membantu pelajar B40, asnaf dan OKU dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta, alumni dan warga kampus. Strategi komunikasi dan hebahan melalui media rasmi serta penggunaan kod QR memudahkan permohonan bantuan. Bagi kepimpinan pelajar, perancangan melibatkan pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta program pemantapan nilai adab dan kemahiran komunikasi. **Model Adiwangsa UiTMCM 2024** turut digarap dalam pelaksanaan operasi bagi Bidang Tumpuan (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P)

Pelaksanaan

Dari segi pelaksanaan, program dijalankan secara kolaboratif dengan penglibatan pelajar, komuniti dan institusi antarabangsa. Aktiviti seperti pemindahan ilmu, motivasi dan lawatan akademik dilaksanakan mengikut perancangan. Program kebajikan dilaksana secara berkala, dengan sumbangan disalurkan secara sistematik dan telus. Pelaksanaan program kepimpinan melibatkan kursus, bengkel dan kempen yang disertai MPP serta ketua persatuan. Keberkesanan setiap program diukur melalui borang maklum balas dan didokumenkan dalam laporan rasmi. Laporan ini didaftarkan ke dalam sistem star rating UiTM sebagai sumbangan kepada KPI institusi. Pendekatan bersepadu ini membuktikan komitmen UiTMCM dalam melahirkan mahasiswa yang holistik, berdaya saing dan beretika.

Pemantauan

UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap pelaksanaan inisiatif universiti selaras dengan tema **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**. Pemantauan ini dijalankan melalui Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Pelajar yang memantau setiap program dari peringkat kelulusan hingga ke laporan pasca pelaksanaan. Aspek-aspek penting seperti laporan kewangan, kebajikan, perkhidmatan kaunseling, aduan pelajar serta cadangan penyelesaian turut dibincangkan. Penilaian aktiviti pelajar pula dilakukan menggunakan borang rasmi yang menilai tahap kompetensi kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, keusahawanan, kerja berpasukan dan penyelesaian masalah. Mesyuarat post-mortem selepas aktiviti juga diadakan untuk menilai semula pelaksanaan dan menambah baik program. Pemantauan turut merangkumi aspek kebajikan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar, di mana pemilihan penerima bantuan dibuat berdasarkan semakan terperinci latar belakang pelajar. Pemantauan terhadap kemudahan pelajar pula dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti dan syarikat penyelenggaraan, membolehkan pembaikan serta naik taraf dilaksanakan dengan efisien dan menyeluruh.

Tindakan Penambahbaikan

Dari sudut tindakan penambahbaikan, UiTMCM menjalankan kajian soal selidik untuk menilai pelaksanaan program dan tahap kemahiran pelajar. Dapatan analisis digunakan untuk penambahbaikan program akan datang dan dibentangkan kepada penganjur. Selain itu, mesyuarat post-mortem dan laporan tinjauan digunakan untuk mengkaji keberkesanan aktiviti serta strategi baharu. Proses pendaftaran pelajar juga ditambah baik melalui maklum balas yang dikumpul secara sistematik. Penambahbaikan turut disokong melalui inisiatif integrasi seperti penghasilan Modul Adab UiTMCM, penggunaan QR kod untuk pengurusan sumbangan Food Bank, dan pembangunan Facebook Laman Komuniti Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar bagi komunikasi berkaitan kemudahan kolej. Kesemua usaha ini mencerminkan komitmen UiTMCM dalam memperkukuh sahsiah pelajar, sistem sokongan, dan kecemerlangan holistik secara berterusan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCM komited mencapai objektif strategik institusi melalui tiga teras utama di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), iaitu aspek **pembangunan pelajar, perkhidmatan dan kemudahan pelajar** dan **kepimpinan pelajar**. Berpandukan tema **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**, nilai teras seperti pembinaan sahsiah dan akhlak, penguasaan kemahiran insaniah, kepimpinan, penglibatan kokurikulum, aktiviti komuniti dan kesukarelawanan menjadi asas kepada setiap perancangan dan pelaksanaan program.

Fokus pembangunan pelajar pada 2024 dizahirkan dengan merujuk proses pembangunan pelajar (**UiTMCM_6.2a**) menerusi pelaksanaan program seperti **SULAM Antarabangsa** dan **Program CSR Padang** yang melibatkan sinergi rentas unit serta jaringan kerjasama dengan universiti dan komuniti antarabangsa. Kedua-dua program ini digerakkan dengan objektif pemindahan ilmu, pertukaran budaya dan kesukarelawanan, selari dengan usaha memperkukuh kemahiran insaniah dan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, Program **S4S Pengantarabangsaan ASEAN** bersama Komander Chulalongkorn dan Suan Sunandha Rajabhat University telah menjadi medan pengukuran pencapaian latihan pelajar dan lawatan kerja bagi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Pengantarabangsaan UiTMCM. Delegasi berpeluang meneliti struktur perkhidmatan, penawaran kursus, program kesukarelawanan dan pengurusan kelab dan persatuan sebagai penanda aras penambahbaikan.

UiTMCM sentiasa cakna mengenai kebajikan dan kesejahteraan pelajar, lalu mengusahakan beberapa inisiatif yang berimpak. Program **Food Bank 'The Pantry'** hasil kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Program Foodbank Malaysia telah memberi manfaat kepada ratusan pelajar B40, asnaf, OKU dan yang memerlukan (**UiTMCM_6.2b**) Sinergibersama agensi kerajaan, swasta, alumni dan warga kampus yang padu menjadi pemangkin kejayaan program ini. Usaha mengumpul dana dijalankan dengan berpandukan pekeliling (**UiTMCM_6.2c**). Peruntukan bagi setiap agihan ditentukan oleh jumlah dana yang terkumpul dan diagihkan secara berhemah. Pemakluman permohonan bantuan ini dilakukan secara digital melalui telegram pelajar dan facebook BHEP UiTMCM. Semakan kelayakan dilakukan oleh pihak BHEP (**UiTMCM_6.2d**) dan senarai penerima dimaklumkan melalui emel. Inisiatif serupa turut diperluas melalui program **Dapur HEP** yang diperkenalkan oleh TNCHep juga disediakan bagi pelajar kolej sebagai usaha meringankan perbelanjaan pelajar khususnya dari aspek makanan dan keperluan diri (**UiTMCM_6.2e**). Persatuan Alumni UiTMCM (UMAT) juga prihatin dan sentiasa bergerak aktif dalam menghulurkan bantuan. **TULUS 2.0** telah menyalurkan sumbangan zakat para alumni kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan berkelayakan. Kejayaan pelaksanaan program ini membuktikan keberkesanan pendekatan **Sinergibersama dan Sinergitrust** UiTMCM dalam membina mahasiswa adiwangsa yang holistik dan prihatin.

Dari aspek Kepimpinan Pelajar pula, HEP UiTMCM sentiasa proaktif dalam melahirkan graduan yang mempunyai kompetensi global dengan penganjuran program yang berbentuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, kesejahteraan psikologi dan menitipkan nilai adab. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah; **Kursus Pengurusan Operasi (KPO), Bengkel Pemantapan Protokol, Bengkel TOT ADAB Ikhwan dan Kempen Amalan Adab**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB02_20251_UiTMCM_6.2a_Pengurusan Permohonan Aktiviti Pelajar.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB02_20252_UiTMCM_6.2b_Kertas Kerja Food Bank The Pantry_edited.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB02_20253_UiTMCM_6.2c_Pekeliling Pengurusan Hadiah dan Tajaan 2020.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB02_20254_UiTMCM_6.2d_Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar Edisi 3 2015.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penambahbaikan berterusan bahagian pengurusan dan pembangunan pelajar di UiTMCM dilaksanakan berlandaskan prinsip PDCA dengan berpandukan tema Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa.

Pengurusan UiTMCM menyokong penuh idea dan usaha kolaborasi bagi memperkasakan kualiti pengurusan pelajar. Perolehan ilmu secara 'experiential learning' serta penglibatan terus dengan komuniti berjaya dicapai melalui **Program Sulam, CSR Padang** dan **Program S4S Pengantarabangsaan ASEAN**. Perancangan yang teliti dilakukan diantara jawatankuasa terlibat bersama komuniti sasaran. Setiap program bermula dengan penyediaan kertas kerja yang dilengkapi objektif, perancangan, dan bajet. Kertas kerja disemak dan diluluskan oleh penasihat dan KPP, sebelum dimajukan ke TRHEP dan Mesyuarat TAPA. Bagi program antarabangsa, permohonan kelulusan ke keluar negara dari Kementerian Luar Negeri perlu didapatkan, disusuli pengurusan logistik dan persediaan pelajar mengikut perancangan **(P)**. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti pemindahan ilmu, kemahiran komunikasi, motivasi bersama komuniti, lawatan ke bahagian akademik, pengantarabangsaan serta bahagian hal ehwal pelajar **(D)**. Borang maklum balas menggunakan Google Form diedarkan kepada pelajar dan komuniti terlibat bagi mengukur tahap keberkesanan program **(UiTMCM_6.3a) (C)**. Laporan program yang lengkap disediakan dan didaftarkan ke dalam star rating UiTM bagi tujuan penarafan bintang dan sumbangan kepada KPI **(UiTMCM_6.3b)(A)**.

Dalam usaha membina Mahasiswa Adiwangsa, UiTMCM menitik beratkan kebajikan pelajar. Dengan mengenalpasti kekangan dan keperluan pelajar, Program seperti **Food bank 'The Pantry'**, **Dapur HEP** dan **TULUS 2.0** telah dijalankan. Usaha mendapatkan dana diperluas dengan menjalin Sinergibersama agensi kerajaan, swasta, alumni dan warga kampus **(P)**. Pendekatan **We are givers** di bawah Giving@UiTM dan sumbangan secara pandu lalu merupakan inisiatif bagi memastikan sumbangan tunai atau berbentuk barang keperluan dapat disampaikan dengan lebih mudah dan efisien. Informasi mengenai permohonan bantuan dan penggunaan QR code bagi proses permohonan disebarluaskan melalui pelbagai media rasmi UiTMCM. Pemilihan pelajar yang berkelayakan dijalankan secara telus oleh jawatankuasa yang dilantik, lalu dimaklumkan melalui emel. Akses kepada kemudahan dan barangan keperluan diberikan dengan menitikkan adab berhemah. **(D)**. Pembelian makanan dilakukan setiap bulan manakala barang pengurusan diri ditambah mengikut keperluan. Keberkesanan program dipantau serta usaha penambahbaikan direkodkan **(C)**. Segala masalah dan kekangan dilaporkan untuk tujuan penambahbaikan **(UiTMCM_6.3c) (A)**.

UiTMCM komited memperkasa pembangunan pelajar melalui pendekatan bersepadu, beretika dan berpaksikan nilai keinsanan. Usaha ini merangkumi pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang berwibawa berdasarkan prosedur sistematik yang ditetapkan **(UiTMCM_6.3d)**, selain penganjuran program berfokuskan kepimpinan, pengukuhan kemahiran komunikasi dan kesejahteraan psikologi dan adab **(P)**. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk **Kursus Pengurusan Operasi, Bengkel Pemantapan Protokol, Bengkel TOT ADAB Ikhwan**, serta **Kempen Amalan Adab**, yang melibatkan penyertaan daripada barisan MPP, ketua-ketua persatuan pelajar, serta pelajar UiTMCM keseluruhannya **(D)**. Keberkesanan pelaksanaan program diukur menerusi borang maklum balas yang diedarkan kepada peserta dan penganjur **(C)**. Setiap program disusuli penyediaan laporan untuk didaftarkan ke dalam sistem star rating UiTM bagi tujuan penarafan bintang dan sumbangan kepada KPI **(UiTMCM_6.3e) (A)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB03_20251_UiTMCM_6.3a_Laporan Analisa Program CSR Padang.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB03_20252_UiTMCM_6.3b_Laporan S4S ke Chulalongkorn University Thailand.pdf](#)

3. [K0062_O01_OB03_20253_UiTMCM_6.3c_Laporan Dapur HEP_edited - Copy.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB03_20254_UiTMCM_6.3d_Proses Lantikan Majlis Perwakilan Pelajar \(1\).pdf](#)
5. [K0062_O01_OB03_20255_UiTMCM_6.3e_Laporan Penutup ADAB Erat 2024 \(1\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam usaha memacu **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**, UiTMCM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan memantau secara berterusan pelaksanaan inisiatif-inisiatif universiti bagi memastikan operasi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar berada pada tahap kecemerlangan tertinggi.

Pemantauan terhadap setiap pelaksanaan operasi UiTMCM dijalankan secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Pelajar bermula dari kelulusan program oleh PTJ sehingga ke pembentangan pelaporan (**UiTMCM_6.4.1a**). Melalui mesyuarat ini, setiap program yang dirancang akan dibentang dan dilulus bersesuaian dengan objektif dan keberkesanan program selari dengan nilai sinergibersama dan sinergitrust bagi membina mahasiswa adiwangsa. Selain itu, agenda penting dalam memperkasakan pemantauan pengurusan dan pembangunan pelajar yang turut dibincang di dalam mesyuarat termasuk pembentangan laporan kewangan kegiatan pelajar, laporan kebajikan pelajar, laporan perkhidmatan kaunseling yang disediakan, aduan pelajar dan juga kaedah dan tindakan yang perlu diambil bagi menyelesaikan permasalahan berbangkit.

Bagi aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan, pemantauan dibuat melalui penilaian aktiviti pelajar yang dijalankan secara sistematik menggunakan borang yang dikeluarkan oleh unit pentadbiran Hal Ehwal Pelajar (**UiTMCM_6.4.1b**). Melalui kaedah ini, pemantauan terhadap tahap kompetensi kemahiran insaniah pelajar yang merangkumi kemahiran kiritis, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara berpasukan, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan dapat diukur secara menyeluruh. Proses pemantauan turut diperluas melalui mesyuarat post-mortem bagi setiap aktiviti yang dijalankan bagi tujuan penambahbaikan program pada masa akan datang.

Pemeriksaan terhadap pemantauan inisiatif-inisiatif yang dijalankan turut diperluas melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar dimana pelajar-pelajar yang berkelayakan dipilih dan diperhalusi bagi memastikan bantuan dan sokongan kewangan dapat diberikan secara menyeluruh. Melalui mesyuarat ini, latar belakang pelajar dibentang dan dibincang secara terperinci bagi menentukan jumlah bantuan yang akan diberikan (**UiTMCM_6.4.1c**)

Proses pemantauan Pembangunan Pelajar turut diambil kira dimana kemudahan-kemudahan yang disediakan turut dipantau melalui Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTMCM dan juga oleh syarikat-syarikat yang dilantik dari masa ke semasa (**UiTMCM_6.4.1.d**) Melalui proses ini, pembaikan secara menyeluruh dan proses naik taraf kemudahan dapat dijalankan dengan lebih efisien.

Melalui pengurusan yang cekap dan teliti, pemantauan aktiviti pelajar oleh HEP dapat dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan objektif yang ingin dicapai dapat diselaraskan dengan matlamat UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB04_OC01_20251_UiTMCM_6.4.1a_Mesyuarat Pengurusan HEP.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC01_20252_UiTMCM_6.4.1b_Borang Penilaian Aktiviti Pelajar.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC01_20253_UiTMCM_6.4.1c_Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pelajar.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB04_OC01_20254_UiTMCM_6.4.1d_Laporan eRMS.pdf](#)
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCM memandang serius dalam memastikan pengurusan risiko terus diberikan penekanan dalam setiap pengurusan operasi agar objektif kualiti dapat dicapai pada tahap optimum. Bertemakan **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**, pengurusan risiko yang melibatkan **Pembangunan Pelajar, Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar** dan **Kepimpinan Pelajar** dibincang dan dibentangkan di dalam mesyuarat seterusnya tindakan penambahbaikan dijalankan secara menyeluruh dan ini melibatkan risiko operasi dan risiko strategik (**UiTMCM_6.4.2a**)

Risiko 1: Kemudahan fasiliti seperti perabot, lift dan tahi burung di kolej kediaman pelajar di mana risiko ini telah didaftarkan sebagai risiko operasi tahap tinggi dan hal ini memberi impak dimana kerosakan yang lagi kritikal dan kos meningkat, pelajar tidak dapat menggunakan perkhidmatan dan mendatangkan kemudaratan kepada pelajar khususnya OKU dan sakit.

Tindakan Pencegahan: Penambahan dan pertukaran lift, pemantauan dari syarikat lift & pemantauan dari BPF, penambahan pemasangan jaring dan Bird Spike di kawasan terlibat.

Risiko 2: Tekanan air di kolej kediaman mendatangkan masalah kepada pelajar untuk menjalankan rutin harian, dan ketidakselesaian penghuni.

Tindakan Pencegahan: Membuat pemeriksaan secara menyeluruh terhadap sistem perpaipan dan tekanan air bersama pihak SAMB dan menambah tangki air serta pam penggalak.

Risiko 3: Perabot yang tidak pernah diganti turut memberi risiko kecederaan kepada pengguna terutamanya pelajar.

Tindakan pencegahan: Menjalankan inventori dua kali pada setiap semester dan menggantikan perabot yang telah rosak.

Risiko 4: Keadaan siling di bilik kuliah yang uzur dan rosak mendatangkan risiko kemalangan melibatkan pelajar.

Tindakan Pencegahan: Mengganti siling bilik kuliah secara menyeluruh.

Risiko 5: Risiko Strategik turut dikenalpasti dimana Keselamatan rangkaian internet memberi impak dimana capaian WiFi yang lemah mengganggu proses pembelajaran pelajar, CCTV tidak berfungsi sekaligus mendatangkan risiko keselamatan kepada pelajar khususnya.

Tindakan Pencegahan: UiTMCM mengambil tindakan pencegahan dengan menyediakan DB khusus peralatan rangkaian internet, membuat pemindahan pendawaian bekalan kuasa elektrik dan memasang UPS yang berkemampuan mengatur voltan automatik (AVR) untuk menampung bekalan kuasa elektrik sekurang-kurangnya 30 minit (**UiTMCM_6.4.2b**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC02_20251_UiTMCM_6.4.2a_Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Negeri.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC02_20252_UiTMCM_6.4.2b_Laporan Pengurusan Risiko 2024.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM sentiasa komited dalam memastikan segala inisiatif-inisiatif Pd2P dapat diuruskan dengan baik seiring dengan tema **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**. Berdasarkan hasil penganalisaan tumpuan operasi Pd2P, beberapa tindakan penambahbaikan dijalankan bagi melancarkan inisiatif-inisiatif yang dijalankan selari dengan aspek Pembangunan, Perkhidmatan dan Kemudahan dan Kepimpinan Pelajar. Antara tindakan yang diambil adalah dengan melalui kajian borang soal selidik dimana aspek seperti tahap kompetensi kemahiran insaniah pelajar dan penilaian pelaksanaan aktiviti dinilai bermula dari tahap rendah sehingga tahap sangat baik (**UiTMCM_6.4.3a**) Borang penilaian ini seterusnya dihantar kepada pihak penganjur bagi penambahbaikan program pada masa akan datang. Selain itu, bagi pembangunan pelajar, laporan tinjauan borang soal selidik turut dibuat bagi melaporkan hasil dapatan analisa deskriptif mengenai program yang telah dijalankan (**UiTMCM_6.4.3b**). Mesyuarat post-mortem turut dijalankan sebagai tindakan penambahbaikan bagi mengkaji semula keberkesanan program yang telah dilaksanakan, serta mencadangkan penyesuaian strategi bagi penambahbaikan masa hadapan (**UiTMCM_6.4.3c**). Di samping itu, maklum balas, analisa dan tindakan berkaitan proses pendaftaran pelajar turut dijalankan secara sistematik sebagai sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan. Langkah ini bukan sahaja membantu mengenal pasti isu berbangkit semasa pendaftaran, malah membolehkan pelaksanaan solusi yang lebih cekap dan mesra pelajar pada masa hadapan (**UiTMCM_6.4.3d**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC03_20251_UiTMCM_6.4.3a_Borang Penilaian Aktiviti Pelajar.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC03_20252_UiTMCM_6.4.3b_Laporan Tinjauan Borang Soal Selidik.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC03_20253_UiTMCM_6.4.3c_Mesyuarat Post-Mortem.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB04_OC03_20254_UiTMCM_6.4.3d_Maklumbalas Pelajar.pdf](#)
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Modul Adab UiTMCM 2024 (Buku Tazkirah Adab) merupakan inovasi yang dihasilkan oleh pihak BHEP UiTMCM bersempena dengan kempen Akhlak Diri Anak Bangsa (ADAB) yang dijalankan sepanjang tahun 2024. Inovasi ini bertujuan bagi meningkatkan nilai sahsiah terpuji dan membimbing mahasiswa menyemai sikap beradab sopan. Inovasi ini dibudayakan di peringkat kampus cawangan dimana modul ini turut digunapakai di dalam rancangan pengajaran bagi setiap kursus manakala **Program ADAB Erat** anjuran Majlis Perwakilan Pelajar pula dilaksanakan sebagai salah satu agenda memperkasakan nilai-nilai murni sesama mahasiswa, meningkatkan daya kepimpinan, mencungkil bakat, serta melahirkan pelajar yang proaktif dan berdaya saing (**UiTMCM_6.5a**)

Inovasi penggunaan **QR kod** dihasilkan melalui amalan digitalisasi dalam pengurusan inisiatif bagi memudahkan pengurusan penyumbang Food Bank Siswa **'The Pantry'** dan inovasi ini merupakan suatu kemudahan yang disediakan bagi mempercepatkan proses sumbangan (**UiTMCM_6.5b**).

Dermaiswa Tabung UMAT Lestari untuk Siswa (TULUS) 2.0 merupakan inisiatif UiTMCM dalam proses pemberian bantuan kewangan secara one-off kepada penerima yang melibatkan 50 orang mahasiswa UiTMCM yang kurang berkemampuan dan berkelayakan. Proses pemilihan pelajar yang berkelayakan dipilih dalam mesyuarat bersama Pengurusan UiTMCM yang turut melibatkan BHEP dan Bahagian Hal Ehwal Islam (HEI) (**UiTMCM_6.5c**). **Facebook Laman Komuniti Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar** turut dibangunkan sebagai pemudahcara dalam proses pemberian informasi dan maklumat semasa berkaitan kemudahan dan kebajikan pelajar di Kolej Kediaman dan Luar Kampus (Non Resident). Ia juga berfungsi sebagai medium hebahan maklumat serta memudahkan proses pendaftaran rumah sewa kepada orang awam (**UiTMCM_6.5d**).

Dengan penambahbaikan yang telah dijalankan, UiTMCM telah ditanda aras oleh Unit Kualiti Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UNIMEL dan UiTM Cawangan Terengganu sebagai kampus yang proaktif dalam memperkasa nilai sahsiah mahasiswa serta memperkukuh sistem penyampaian kebajikan dan kemudahan pelajar (**UiTMCM_6.5e**). Lawatan penandaarasan ini turut menjadi platform perkongsian amalan terbaik (best practices) berkaitan pengurusan pelajar, digitalisasi proses, serta pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi yang menyumbang kepada peningkatan reputasi institusi di peringkat nasional. Usaha penambahbaikan berterusan ini mencerminkan komitmen UiTMCM dalam memacu kecemerlangan holistik selaras dengan aspirasi Pelan Strategik UiTM dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB05_20251_UiTMCM_6.5a_Modul Tazkirah Adab & Modul ADAB UiTMCM 2024.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB05_20252_UiTMCM_6.5b_QR The Pantry.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB05_20253_UiTMCM_6.5c_TULUS 2.0.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB05_20254_UiTMCM_6.5d_Facebook Laman Komuniti URHP UiTMCM.pdf](#)
5. [K0062_O01_OB05_20255_UiTMCM_6.5e_Lawatan Penandaarasan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARIPADA PERANCANGAN STRATEGIK YANG HOLISTIK

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka telah melaksanakan **Perancangan Strategik (PS)** secara **holistik dan menyeluruh** dalam aspek **pengurusan dan pembangunan pelajar (Pd2P)**. Pelaksanaan ini melibatkan ketiga-tiga kampus iaitu **Kampus Alor Gajah (KAG)**, **Kampus Bandaraya Melaka (KBM)** dan **Kampus Jasin (KJM)** serta penglibatan aktif seluruh warga UiTMCM. Hasil daripada pelaksanaan strategik ini, UiTMCM berjaya mengekalkan status sebagai **PTJ bertaraf 6 bintang** selama **empat tahun berturut-turut**, dengan pencapaian **Prestasi Institusi (PI) 2024 meningkat sebanyak 1.6%** berbanding tahun sebelumnya, menjadikan jumlah keseluruhan **91.6%**.

Tiga **Objektif Strategik (OS)** utama telah dikenal pasti sebagai pemacu kepada pencapaian dalam bidang tumpuan Pd2P iaitu OS1: Penambahbaikan Perkhidmatan HEP melalui Program HEP Xpression, OS2: Pembangunan Pelajar melalui Platform Antarabangsa (Go Global) menerusi Program HEP Care & Future dan OS3: Kepimpinan Pelajar Berteraskan Kompetensi Global melalui Program HEP LeadPreneur.

Kesemua **15 indikator PI Pd2P UiTMCM 2024** telah mencapai sasaran yang ditetapkan, malah sebahagiannya melebihi jangkaan. **Pengurusan risiko** turut dilaksanakan secara sistematik bagi mengenal pasti dan menangani potensi risiko yang boleh menjejaskan pencapaian PI..

Analisis prestasi dari tahun ke tahun menunjukkan **tren positif dan yang melebihi sasaran**, khususnya dalam indikator berikut: Tren PI 30 (Number of company involves in career activity), PI 37 (Number of students involved in invention and innovation activities), PI 39 (Number of programme related to emotional well-being), PI 38 (Number of programme/module related to patriotism & ESI-IDART initiatives), PI 129 (Income generation from Kumpulan Wang Amanah). Terdapat juga dua tren daripada objektif kualiti (OK) yang menunjukkan tren yang positif iaitu Objektif Kualiti (Sekurang kurangnya 90% pelajar sepenuh masa bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan) dan objektif kualiti (Kadar kebolehpasaran siswazah melebihi 80% setiap tahun).

UiTMCM turut menjalankan **analisis perbandingan** antara kampus cawangan dan PTJ dalam UiTM serta organisasi luar negara, sebagai usaha memperkukuh daya saing di peringkat global. Hasilnya, UiTMCM menerima pelbagai pengiktirafan seperti Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024), Anugerah Hijau Melaka, Anugerah Penarafan 5 bintang untuk pengurusan penarafan audit PTJ dan Anugerah Khas MOSAA. Pencapaian pelajar dalam bidang **e-sukan, kepimpinan**, dan **kesukarelawanan** turut menyumbang kepada impak Pd2P secara menyeluruh.

Projek-projek inisiatif strategik yang telah dilaksanakan UiTMCM termasuklah International Student Mobility Program, MoA bersama institusi **antarabangsa** iaitu Departemen Bahasa, Seni dan Manajemen Budaya (DBSMB), Forum Sinergi Perkhidmatan oleh alumni UiTMCM, International Conference of Communication, Media and Politics 2024 (ICCMP 2024), Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2024 dan Projek WaDI II. Kesemua inisiatif ini telah menyumbang secara langsung kepada pengukuhan pengurusan dan pembangunan pelajar UiTMCM, sekaligus melonjakkan pencapaian ke peringkat **nasional dan antarabangsa**.

Berteraskan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**, UiTMCM telah membuktikan keupayaan dalam melaksanakan Perancangan Strategik Pd2P secara berkesan dan berimpak tinggi sepanjang tahun 2024. **Model Adiwangsa UiTMCM 2024** turut berjaya disepadukan dalam pelaksanaan **Pd2P**, sekali gus memperkukuh ketampakan global

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0062_HB02_20251_UiTMCM_7.1.2_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK_LEVEL.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0062_HB03_20252_UiTMCM_7.1.3_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK_TREND.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0062_HB04_20253_UiTMCM_7.1.4_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK COMPARISON_edited.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0062_HB05_20254_UiTMCM_7.1.5_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK_IMPORTANCE.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARIPADA SUMBER MANUSIA YANG EFEKTIF DAN EFISEN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Sumber manusia UiTMCM yang efisien dan berstrategik oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya **menggerakkan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (Pd2P)** kampus bersama warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM dan KJM**.

Bagi pencapaian sumber manusia UiTMCM untuk bidang tumpuan **Pengurusan dan Pembangunan pelajar, kesemua hasil pencapaian PI sumber manusia UiTMCM 2024 telah berjaya mencapai sasaran malah ada yang melebihi sasaran** yang ditetapkan. Sebahagian dari pencapaian sumber manusia UiTMCM adalah **pencapaian keusahawanan dan keterlibatan antarabangsa, pencapaian professional dan NGO, pencapaian penerbitan dan pencapaian bilangan staf akademik dengan industri yang banyak memberi impak kepada UiTMCM**.

Bagi hasil pencapaian sumber manusia dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa **terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan**. Tren yang digunapakai bagi penganalisaan **dari sumber manusia adalah tren bilangan staf akademik mendapat kelayakan professional staf, staf akademik mendapat geran penyelidikan di peringkat antarabangsa, tren staf akademik yang mempunyai pengalaman dalam industri, tren bilangan program atau aktiviti antarabangsa yang dilaksanakan di bawah MoU/MoA aktif dan tren bilangan penerbitan dan tren bilangan penerbitan berimpak tinggi**.

Perbandingan antara kampus, organisasi dalam dan luar negara turut dianalisa dalam menjadikan Pd2P UiTMCM sebagai kampus yang terkenal di peringkat global. Antara perbandingan tersebut, UiTMCM turut diberikan pengiktirafan seperti **pencapaian mendapat tempat keempat diantara seluruh UiTM cawangan bagi Anugerah Transformasi Kecemerlangan *Globally Respected 2024* untuk kategori *Pillar 3&4* iaitu *Turning Globally Respected Staff & Excellent Supporting Staff*, Juara Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat UiTM, juara AKNC juara kategori UiTM Cawangan, tersenarai sebagai 2% saintis terbaik dunia, High Value Gig Digital Freelance Programme Bootcamp Training, mendapat Darjah Kebesaran Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M) dan Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M) bersempena Istiadat Penganugerahan Darjah Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka, Anugerah Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling terbaik antara Kampus negeri, KIK Malaysia dan Lawatan penanda aras Unit Kualiti FPA ke Unit Kualiti UiTMCM**.

Projek-projek yang diuruskan UiTMCM telah menyumbang dalam **Pd2P UiTMCM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa** seperti **Anugerah Projek pemindahan ilmu terbaik, Anugerah Projek University Social Responsibility (USR) bertaraf 3 bintang, Pencapaian Khas bagi Kategori Jaringan Industri (Minggu Sains Negara 2024), Program MIEX'24 dan kolaborasi MoU antarabangsa, Anugerah Khas Ketua Menteri Melaka dan Pingat Emas MIEX 2024, Anugerah penerima geran penyelidikan tertinggi dan mendapat pengiktirafan Kertas Kerja Terbaik yang terbaik dalam *Global Issues Paper Presentation (GIPP) 2024/25* di peringkat UiTMCM dan Program Student For Society (S4S) yang dianjurkan di peringkat antarabangsa**.

Berteraskan **Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust: Bina Mahasiswa Adiwangsa**, UiTMCM telah membuktikan keunggulan dalam pengurusan sumber manusia melalui pelaksanaan **Model Adiwangsa UiTMCM**, khususnya dalam memperkukuh ekosistem **Pd2P** pada tahun 2024.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0062_HB02_20251_UiTMCM_7.2.2_HASIL PELANGGAN LEVEL.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0062_HB03_20252_UiTMCM_7.2.3_HASIL PELANGGAN TREND.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0062_HB04_20253_UiTMCM_7.3.4_HASIL PELANGGAN COMPARISON.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0062_HB05_20254_UiTMCM_7.2.5_HASIL PELANGGAN IMPORTANCE.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARIPADA PELANGGAN YANG KOMITED

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCM mencatat pencapaian cemerlang di dalam **Pd2P** pada tahun 2024 apabila hampir semua Petunjuk Prestasi (PI) bagi pelanggan berjaya dicapai, malah sebahagiannya melebihi sasaran. Kejayaan ini disumbangkan oleh peningkatan ketara bilangan usahawan pelajar, penubuhan syarikat pemula berasaskan teknologi digital, penglibatan aktif dalam program inovasi, serta sumbangan signifikan alumni dalam bidang keusahawanan dan kepakaran profesional. Di samping itu, pelbagai program kebajikan, kesihatan mental, rekreasi dan apresiasi komuniti turut memperkukuh kesejahteraan warga kampus secara menyeluruh. Keseluruhan pencapaian ini membuktikan bahawa UiTMCM bukan sahaja memiliki ekosistem pendidikan dan keusahawanan yang mantap, malah konsisten dalam komitmennya melahirkan graduan yang inovatif, berdaya saing serta berpotensi besar menjadi pemimpin pada masa hadapan selari dengan **Nilai: Sinergibersama dan Sinergitrust: Membina Mahasiswa Adiwangsa**.

Analisis tren 2022-2024 menunjukkan UiTMCM berjaya melepasi sasaran dalam melahirkan usahawan pelajar, alumni usahawan serta meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam program inovasi dan teknologi. Pencapaian ini didorong oleh pendedahan awal dalam kurikulum, pelaksanaan program latihan berstruktur, sokongan ekosistem keusahawanan yang mantap serta kerjasama strategik dengan industri. UiTMCM juga proaktif menganjur dan menyertai program berimpak tinggi seperti **MIIEx 2024, High Value Gig Digital Freelance Bootcamp, Minggu Sains Negara 2024 dan International Conference of Communication, Media and Politics (ICMP) 2024**, yang telah memperkukuh daya saing global, inovasi serta keyakinan mahasiswa. Kejayaan ini mengukuhkan peranan UiTMCM sebagai institusi yang melahirkan graduan berpengetahuan, berkemahiran dan berupaya menjadi pemacu pembangunan ekonomi serta komuniti secara mampan.

UiTMCM berjaya mencatat pelbagai pencapaian membanggakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejayaan utama ialah kemenangan pelajar dalam **Pertandingan Adobe Certified Professional National Championship, juara Program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) Explore Race 2024, serta pengiktirafan dalam Anugerah MeTIC ke-14** dengan meraih lapan anugerah melibatkan sumbangan alumni, penghasilan usahawan, kolaborasi industri dan komuniti. UiTMCM turut mendapat pengiktirafan dalam **Furniture Design Competition (FDC) Malaysian International Furniture Fair (MIFF) 2024** apabila dinobatkan sebagai **The Best Institution**, di samping kejayaan pelajar mereka meraih tempat ketiga dalam kategori individu. Kesemua pencapaian ini membuktikan keberkesanan jaringan industri, alumni, komuniti, serta penerapan nilai sinergi dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan kompetitif.

UiTMCM melalui Pelan Pembangunan Keseluruhan Pelajar 2024 telah melahirkan graduan holistik dan berdaya saing melalui pelbagai inisiatif kepimpinan, kesukarelawanan, sukan serta penglibatan di peringkat nasional dan antarabangsa. Kejayaan ini dibuktikan dengan pencapaian dalam **Majlis Penghargaan & Anugerah Kepimpinan (MAPAM), Anugerah Graduan Terbaik, dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan pelbagai pengiktirafan individu dalam bidang kepimpinan, akademik dan kesenian** seperti graduan cemerlang seperti Muhammad Syafi Fawzan dan Dani Irfan turut membuktikan kecemerlangan UiTMCM dengan diiktiraf melalui anugerah berprestij serta mendapat kepercayaan industri

multinasional. Keseluruhannya, UiTMCM berjaya membuktikan komitmen dalam melahirkan graduan cemerlang akademik, beridentiti, berdaya saing global dan diyakini pasaran kerja. **Model Adiwangsa UiTMCM 2024** turut menjadi teras identiti dalam **pengurusan dan pembangunan pelajar UiTMCM**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0062_HB02_20251_UiTMCM_7.3.2_HASIL SUMBER MANUSIA LEVEL.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0062_HB03_20252_UiTMCM_7.3.3_HASIL SUMBER MANUSIA TREND.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0062_HB04_20253_UiTMCM_7.3.4_HASIL SUMBER MANUSIA COMPARISON.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0062_HB05_20254_UiTMCM_7.3.5_HASIL SUMBER MANUSIA IMPORTANCE.pdf](#)